



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 65

31hb Disember 2021

TAMBAHAN
No. 1

No. 22740.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM (PINDAAN) 2021

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*], Pihak Berkuasa Negeri atau Menteri membuat undang-undang kecil yang berikut:

Nama

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 2021**.

Pindaan am

2. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 [*G.N 5178/1984*], yang disebut sebagai “Undang-Undang Kecil ibu” dalam Undang-Undang Kecil ini, dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “mati” di mana-mana jua terdapat termasuk nota bahu perkataan “kekal” kecuali perkataan “jalan mati”, “beban mati” dan “air mati”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “fee” di mana-mana jua terdapat termasuk nota bahu dalam teks bahasa kebangsaan perkataan “fi”;
- (c) dengan menggantikan perkataan “K.P.P.B.” di mana-mana jua terdapat termasuk nota bahu perkataan “Ketua Pengarah”;

- (d) dengan menggantikan perkataan “Pihak Berkuasa Bomba” di mana-mana jua terdapat termasuk nota bahu perkataan “Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia”;
- (e) dengan menggantikan perkataan “MS” dalam teks bahasa kebangsaan di mana-mana jua terdapat perkataan “PM”; dan
- (f) dengan menggantikan perkataan “jalan keluar” di mana-mana jua terdapat perkataan termasuk nota bahu perkataan “jalan melepaskan diri”.

Pindaan undang-undang kecil 2

3. Undang-Undang Kecil 2 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan tafsiran “arkitek” tafsiran yang berikut:
 - ‘ “arkitek” ertinya seseorang yang didaftarkan sebagai arkitek di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan pendaftaran arkitek dan yang dibenarkan di bawah undang-undang untuk menjalankan amalan atau urusan perniagaan sebagai seorang arkitek;’;
- (b) dengan menggantikan perkataan “ASHARE” dalam teks bahasa Inggeris perkataan “ASHRAE”;
- (c) dalam tafsiran “balak kayu keras”, dengan menggantikan perkataan “termasuklah Cengal Batu, Balau, Resak, Tempenis, Jati, Cengal, Merbau, Kapur, Belian, Tembusu, Damar Laut Merah, Keruing, atau apa-apa kayu berat asli tahan lama yang serupa yang dikelaskan sedemikian oleh Jabatan Hutan” perkataan “ertinya apa-apa kayu yang dinyatakan oleh Lembaga Industri Kayu Malaysia dan hendaklah mengikut PM 1714 – Spesifikasi untuk penggredan kekuatan balak kayu keras tropika secara visual”;
- (d) dalam tafsiran “dinding api”, dengan menggantikan perkataan “dinding dua pihak atau” perkataan “suatu”;
- (e) dengan menggantikan tafsiran “dinding sekat” tafsiran yang berikut:
 - ‘ “dinding sekat” ertinya sesuatu dinding tak bawa beban daripada mana-mana dinding dalam, yang bukan dinding dua pihak, dinding pangsa, dinding pengasing atau dinding luar;’;
- (f) dengan menggantikan tafsiran “jurutera” tafsiran yang berikut:
 - ‘ “jurutera” ertinya seseorang yang didaftarkan sebagai jurutera di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan pendaftaran jurutera dan yang dibenarkan di bawah undang-undang untuk menjalankan amalan atau urusan perniagaan sebagai seorang jurutera;’;

(g) dengan memasukkan selepas tafsiran “jurutera” tafsiran yang berikut:

‘ “kakitangan pengawasan tapak” ertinya mana-mana pekerja bagi orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan yang terlibat bagi suatu projek tertentu dan hendaklah terdiri daripada seorang pemeriksa tapak atau jurutera berdaftar atau pelukis pelan berdaftar atau arkitek graduan atau arkitek bagi tujuan mengawasi semua kerja pembinaan di suatu tapak;’;

(h) dengan memasukkan selepas tafsiran “kolam renang” tafsiran yang berikut:

‘ “komunikasi” ertinya mana-mana perkhidmatan yang disediakan mengikut keperluan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia;’

(i) dengan memasukkan selepas tafsiran “konkrit tegas dahulu” tafsiran yang berikut:

‘ “kontraktor” ertinya seseorang yang menjalankan atau menyiapkan atau mengaku janji untuk menjalankan atau menyiapkan apa-apa kerja pembinaan dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia;’;

(j) dengan memasukkan selepas tafsiran “lantai mezanin” tafsiran yang berikut:

‘ “orang utama yang mengemukakan” ertinya orang yang berkeelayakan yang mengemukakan pelan bangunan kepada pihak berkuasa tempatan untuk kelulusan mengikut Undang-Undang Kecil ini dan termasuklah mana-mana orang yang berkeelayakan lain yang mengambil alih kewajipan dan tanggungjawab atau bertindak untuk orang yang berkeelayakan yang pertama disebut itu mengikut undang-undang kecil 7;’;

(k) dengan memasukkan selepas tafsiran “orang utama yang mengemukakan” tafsiran yang berikut:

‘ “orang yang kurang keupayaan” ertinya seorang yang mempunyai kekurangan keupayaan fizikal, keupayaan pendengaran atau keupayaan penglihatan yang memberi kesan terhadap pergerakan atau penggunaan bangunan yang tersebut di bawah undang-undang kecil 34A;’;

(l) dengan menggantikan tafsiran “orang berkeelayakan” tafsiran yang berikut:

‘ “orang yang berkeelayakan” ertinya seseorang arkitek, jurutera atau pelukis pelan bangunan;’;

- (m) dengan menggantikan tafsiran “orang yang mengemukakan” tafsiran yang berikut:

‘ “orang yang mengemukakan” ertinya orang yang berkelayakan yang mengemukakan pelan, selain pelan bangunan, kepada pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun yang berkaitan mengikut Undang-Undang Kecil ini dan termasuk mana-mana orang yang berkelayakan lain yang mengambil alih kewajipan dan tanggungjawab atau bertindak untuk orang yang berkelayakan yang pertama disebut itu mengikut undang-undang kecil 7;’;

- (n) dengan memasukkan selepas tafsiran “PB” tafsiran yang berikut:

‘ “pelan bangunan” ertinya pelan yang termasuklah pelan tapak, pelan punca, pelan lantai, muka keratan dan tampak bangunan, dan hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam undang-undang kecil 8, 9 dan 10;’;

- (o) dengan menggantikan tafsiran “pelukis pelan bangunan berdaftar” dengan tafsiran yang berikut:

‘ “pelukis pelan bangunan” ertinya mana-mana pelukis pelan bangunan yang didaftarkan di bawah Akta yang berkaitan;’;

- (p) dalam tafsiran “perakuan siap dan pematuhan”, dengan menggantikan perkataan “25A” perkataan “25”;

- (q) dengan memasukkan selepas tafsiran “perakuan siap dan pematuhan” tafsiran-tafsiran yang berikut:

‘ “pemeriksa tapak” ertinya seseorang yang didaftarkan sebagai seorang pemeriksa tapak di bawah Akta Arkitek 1967 [Akta 117] atau Akta Pendaftaran Jurutera 1967[Akta 138];

“pengurus projek binaan” ertinya mana-mana pekerja seorang kontraktor yang memiliki tahap kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang boleh diterima sebagaimana yang ditentukan dan yang ditugaskan kepada suatu tapak pembinaan atau mana-mana tempat lain yang sedemikian untuk mengatur, merancang, mengawal dan menyelaraskan kerja pembinaan dari awal hingga selesai dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia;

“penyelia tapak binaan” ertinya mana-mana pekerja seorang kontraktor yang memiliki tahap kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang boleh diterima yang ditugaskan kepada suatu tapak pembinaan atau mana-mana tempat lain yang sedemikian untuk menyelia kerja pembinaan dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia;’;

- (r) dengan memasukkan selepas takrif “PM” takrif yang berikut:

‘ “PM PE” ertinya edisi Piawaian Malaysia yang bersamaan dengan Piawaian Eropah yang terakhir diterbitkan;’;

- (s) dengan memotong tafsiran—
- (i) “pintu penahan asap”;
 - (ii) “registered building draughtsman” dalam teks bahasa Inggeris; dan
 - (iii) “rumah berasingan yang dibina secara tunggal”;
- (t) dalam tafsiran “self-closing door” dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “devise” perkataan “device”; dan
- (u) dengan memasukkan selepas tafsiran “siling” tafsiran-tafsiran yang berikut:
- ‘ “SPAH” ertinya “sistem pengumpulan dan penggunaan semula air hujan” yang air hujan adalah dikumpul daripada bumbung, disalurkan ke tangki-tangki penyimpanan air hujan sebelum digunakan;
 - “syarat teknikal” ertinya syarat yang berkenaan dengan isu kesihatan dan keselamatan yang berhubungan dengan bangunan dan perkhidmatan perlu yang diadakan bagi bangunan itu;’.

Bahagian baru 1A

4. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 2 bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN 1A

PERUNTUHAN BANGUNAN

Pemakaian Bahagian ini

- 2A. Bahagian ini hendaklah terpakai kepada peruntuhan sesuatu bangunan sebelum pembinaan semula bangunan itu.

Penyediaan dan pengemukakan pelan peruntuhan, dsb.

- 2B. (1) Sebelum peruntuhan dimulakan, sesalinan pelan peruntuhan yang terperinci bersama dengan sesalinan laporan kestabilan yang disediakan mengikut PM 2318 hendaklah dikemukakan kepada pihak berkuasa tempatan.

- (2) Pelan peruntuhan yang terperinci hendaklah mengandungi suatu perakuan oleh orang yang mengemukakan dalam Borang A Jadual Kedua yang bermaksud bahawa butir-butir itu hendaklah mengikut PM 2318 dan bahawa orang yang mengemukakan itu hendaklah menerima tanggungjawab sepenuhnya bagi pelaksanaan yang wajar untuk kerja peruntuhan.

Kuasa pihak berkuasa tempatan untuk menolak pelan peruntuhan dan laporan kestabilan

2c. Walau apapun perenggan (2) undang-undang kecil 2B, pihak berkuasa tempatan boleh memeriksa dan dalam berbuat demikian boleh menolak apa-apa pelan peruntuhan atau laporan kestabilan yang tidak mengikut PM 2318 dan jika ia menolak pelan atau laporan itu, ia boleh menghendaki orang yang mengemukakan itu untuk mengemukakan semula suatu pelan peruntuhan atau laporan kestabilan yang baru berkenaan dengan bahagian yang ditolak itu.

Notis memulakan atau menyambung semula kerja bangunan

2d. (1) Notis mengenai niat hendak memulakan atau menyambung semula peruntuhan sesuatu bangunan yang dikehendaki di bawah subseksyen 70(9) Akta hendaklah dibuat dalam Borang B Jadual Kedua dan hendaklah meliputi butir-butir kerja yang dicadangkan itu.

(2) Jika kerja itu tidak dimulakan semula pada tarikh yang diberi dalam notis itu, notis lanjutan dalam Borang B Jadual Kedua hendaklah diberi sebelum kerja itu dimulakan atau disambung semula.

Cara peruntuhan

2e. Kerja-kerja peruntuhan hendaklah mematuhi PM 2318.

Tugas orang yang mengemukakan

2f. (1) Orang yang mengemukakan yang memperakui pelan di bawah perenggan (2) undang-undang kecil 2B hendaklah bertanggungjawab bagi pelaksanaan kerja-kerja peruntuhan dengan wajar dan hendaklah terus bertanggungjawab sedemikian sehingga penyiapan kerja-kerja peruntuhan itu kecuali—

- (a) dengan persetujuan pihak berkuasa tempatan, orang yang mengemukakan yang lain telah dilantik untuk mengambil alih; atau
- (b) pihak berkuasa tempatan bersetuju untuk menerima penarikan balik atau penggantian atas permintaan pemunya dengan syarat bahawa kerja peruntuhan belum lagi bermula.

(2) Jika pihak berkuasa tempatan bersetuju untuk menerima penarikan balik atau penggantian orang yang mengemukakan di bawah subperenggan (1)(b), kerja peruntuhan itu hendaklah tidak dimulakan sehingga orang yang mengemukakan yang lain telah dilantik untuk mengambil alih.

(3) Jika mana-mana orang yang mengemukakan yang telah mengemukakan pelan peruntuhan telah mati atau menjadi bankrap atau tidak boleh dijumpai atau pendaftarannya telah dipotong daripada daftar atau oleh apa-apa sebab lain telah berhenti daripada menjalankan amalannya, pemunya atau penduduk itu hendaklah dengan seberapa segera yang praktik melantik orang yang mengemukakan yang lain untuk bertindak bagi pihaknya dan untuk mengemukakan keterangan yang mencukupi kepada pihak berkuasa tempatan mengenai hal keadaan itu.

Pengecualian daripada Bahagian ini

2G. Pihak berkuasa tempatan boleh jika difikirkannya patut mengecualikan mana-mana kerja peruntuhan yang kecil daripada kehendak-kehendak Bahagian ini.”.

Pindaan undang-undang kecil 3

5. Undang-undang kecil 3 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dalam subperenggan (1)(c), dengan menggantikan perkataan “orang-orang berkelayakan” perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”;
- (b) dengan memotong subperenggan (1)(d); dan
- (c) dalam perenggan (2), dengan menggantikan perkataan “orang berkelayakan” perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”.

Pindaan undang-undang kecil 4

6. Undang-undang kecil 4 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “orang berkelayakan yang mengemukakannya” di mana-mana jua terdapat perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”.

Pindaan undang-undang kecil 5

7. Undang-undang kecil 5 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “orang berkelayakan” di mana-mana jua terdapat perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”;
- (b) dengan menomborkan semula undang-undang kecil 5 sebagai perenggan (1);

- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (1) yang dinomborkan semula perenggan-perenggan yang berikut:

“(2) Pendirian suatu bangunan hendaklah dijalankan di bawah pengawasan sepenuh masa oleh seorang pengurus projek binaan dan dibantu oleh seorang penyelia tapak binaan yang diakreditasi dan diperakui oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.

(3) Seseorang kakitangan pengawasan tapak hendaklah dilantik untuk mengawasi kerja-kerja kontraktor bagi memastikan pematuhan dengan langkah-langkah keselamatan tapak, kualiti pendirian, pelan dan spesifikasi bangunan.”.

Pindaan undang-undang kecil 6

8. Undang-undang kecil 6 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (1), dengan menggantikan perkataan “orang berkelayakan” perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”.

Pindaan undang-undang kecil 7

9. Undang-undang kecil 7 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “orang berkelayakan” di mana-mana jua terdapat termasuk dalam nota bahu perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”; dan
- (b) dalam perenggan (2) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “qualified person’s” perkataan “principal submitting person’s or submitting person’s”.

Pindaan undang-undang kecil 8

10. Undang-undang kecil 8 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memotong perkataan “dalam tiga salinan”;
- (b) dengan menggantikan perenggan (1) perenggan yang berikut:

“(1) Semua pelan bangunan hendaklah didepositkan kepada dan dalam cara sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan.”;

- (c) dengan menggantikan perenggan (2) perenggan yang berikut:

“(2) Satu set pelan-pelan itu hendaklah disimpan oleh pihak berkuasa tempatan dan set yang lain hendaklah dikembalikan setelah diluluskan.”;

(d) dengan memasukkan selepas perenggan (2) perenggan yang berikut:

“(2A) Mana-mana pelan hendaklah disifatkan telah didepositkan dan diberikan pada masa pelan itu telah diterima oleh pihak berkuasa tempatan.”; dan

(e) dengan memotong perenggan (4).

Pindaan undang-undang kecil 9

11. Undang-undang kecil 9 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “skel” di mana-mana jua terdapat perkataan “skala”.

Pindaan undang-undang kecil 10

12. Undang-undang kecil 10 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (1), dengan memasukkan selepas perkataan “pelan” perkataan “bangunan”;

(b) dalam subperenggan (a)—

(i) dalam sub subperenggan (iv), dengan memasukkan selepas perkataan “dimensi” perkataan “dan keluasan”;

(ii) dengan menggantikan noktah di hujung sub subperenggan (ix) titik berkoma; dan

(iii) dengan memasukkan selepas sub subperenggan (ix) sub subperenggan yang berikut:

“(x) lokasi tangki air hujan;

(xi) elemen SPAH seperti sistem perpaipan, tangki air hujan, pam air dan kelengkapan berkaitan yang lain (yang diperlukan untuk memasang SPAH) hendaklah ditunjukkan dengan jelas di dalam pelan bagi kategori bangunan seperti yang berikut:

(A) berhubung dengan bangunan kediaman, SPAH hendaklah dipasang hanya untuk rumah banglo dan rumah berkembar dengan keluasan bumbung setara dengan atau melebihi daripada 100 meter persegi; dan

(B) semua bangunan berasingan dengan keluasan bumbung setara dengan atau melebihi daripada 100 meter persegi.”;

- (c) dalam perenggan (2), dengan menggantikan perkataan “Orang berkelayakan” perkataan “Orang utama yang mengemukakan”; dan
- (d) dengan menggantikan perenggan (3) perenggan yang berikut:

“(3) Semua pelan hendaklah dilukis dengan jelas dalam warna hitam dengan bahan-bahan yang berlainan ditunjukkan dalam warna berbeza dan semua struktur yang sedia ada dalam warna neutral.”.

Pindaan undang-undang kecil 12

13. Undang-undang kecil 12 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (1), dengan memotong perkataan “dalam dua salinan atas kertas”.

Pindaan undang-undang kecil 16

14. Undang-undang kecil 16 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1), dengan memotong perkataan “yang boleh dibaca mengenai”; dan
- (b) dalam perenggan (2)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “orang berkelayakan” perkataan “orang yang mengemukakan”;
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “orang yang mengemukakannya” dalam teks bahasa kebangsaan perkataan “orang yang mengemukakan itu”; dan
 - (iii) dengan memotong perkataan “hendaklah dibuat di atas linen dan tiap-tiap salinan”.

Pindaan undang-undang kecil 17

15. Undang-undang kecil 17 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “orang berkelayakan” dengan perkataan “orang yang mengemukakan”.

Pindaan undang-undang kecil 20

16. Undang-undang kecil 20 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (3)—

- (a) dengan menggantikan perkataan “orang yang mengemukakannya” dengan perkataan “orang yang mengemukakan”; dan

- (b) dengan menggantikan perkataan “be supported” dalam teks bahasa Inggeris perkataan “supported”.

Pemotongan undang-undang kecil 23

17. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 23.

Pemotongan undang-undang kecil 24

18. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 24.

Penggantian undang-undang kecil 25

19. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 25 undang-undang kecil yang berikut:

“Perakuan siap dan pematuhan.

25. (1) Suatu perakuan siap dan pematuhan dalam Borang F sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua hendaklah dikeluarkan oleh orang utama yang mengemukakan—

- (a) apabila semua syarat teknikal yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan telah dipatuhi dengan sewajarnya;
- (b) apabila Borang G1 hingga G21 berkenaan dengan perakuan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua telah diperakui dengan sewajarnya dan diterima olehnya;
- (c) apabila semua perkhidmatan perlu, termasuk suatu jalan akses, pandangan darat, tempat letak kereta, parit, pemasangan sanitari, air, elektrik, komunikasi, pili bomba, kehendak-kehendak pembetulan dan pembuangan sampah, dan lif bomba jika dikehendaki, telah disediakan; dan
- (d) apabila dia memperakui dalam Borang F bahawa dia telah mengawasi pendirian dan penyiapan bangunan itu dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya yang terbaik bangunan itu telah dibina dan disiapkan mengikut Akta, Undang-Undang Kecil ini dan pelan yang telah diluluskan.

- (2) Apabila perakuan siap dan pematuhan dikeluarkan, orang utama yang mengemukakan hendaklah menerima tanggungjawab sepenuhnya bagi pengeluaran perakuan siap dan pematuhan itu apabila dia memperakui bahawa bangunan itu adalah selamat dan layak untuk diduduki.

(3) Kontraktor atau tred kontraktor yang berkenaan yang memperakui Borang G1 hingga G21 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual kedua hendaklah bertanggungjawab bagi kualiti kerja-kerja yang telah didirikan dan disiapkan.

(4) Orang utama yang mengemukakan hendaklah dalam masa empat belas hari daripada pengeluaran perakuan siap dan pematuhan atau perakuan siap dan pematuhan sebahagian, mengikut mana-mana yang berkenaan, mendepositkan suatu salinan perakuan tersebut dan Borang G1 hingga G21 dengan pihak berkuasa tempatan dan Lembaga Arkitek Malaysia atau Lembaga Jurutera Malaysia, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Tiada apa-apa yang terkandung dalam undang-undang kecil ini hendaklah mencegah pihak berkuasa tempatan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya secara bertulis bagi maksud itu, daripada memeriksa apa-apa kerja bangunan pada mana-mana peringkatnya dan menarik perhatian kepada apa-apa kemungkiran kepada bangunan itu atau ketidakpatuhan mana-mana Undang-Undang Kecil ini yang didapatinya, dan memberi notis secara bertulis kepada orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan memerintahkan supaya kemungkiran atau ketidakpatuhan itu diperbetulkan.

(6) Tertakluk kepada perenggan (5), pihak berkuasa tempatan boleh mengeluarkan suatu arahan secara bertulis kepada orang utama yang mengemukakan untuk menahan pengeluaran perakuan siap dan pematuhan atau perakuan siap dan pematuhan sebahagian, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(7) Orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan hendaklah dalam masa dua puluh satu hari selepas menerima notis yang dikeluarkan menurut perenggan (5) atau suatu tempoh lanjutan tersebut sebagaimana yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan, membetulkan kemungkiran atau ketidakpatuhan itu.

(8) Jika orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan telah membetulkan kemungkiran atau ketidakpatuhan itu, dia hendaklah mengeluarkan notis tersebut kepada pihak berkuasa tempatan yang mengesahkan bahawa kerja pembedaan itu telah disiapkan dengan memuaskan.

(9) Apabila menerima notis yang disebut dalam perenggan (8), pihak berkuasa tempatan hendaklah dalam masa empat belas hari daripada penerimaan notis itu memeriksa bangunan itu untuk mengesahkan bahawa kemungkiran atau ketidakpatuhan itu telah dibetulkan dengan memuaskan.

(10) Jika pihak berkuasa tempatan berpuas hati bahawa kemungkiran atau ketidakpatuhan yang dinyatakan dalam perenggan (5) telah dibetulkan dengan memuaskan, pihak berkuasa tempatan hendaklah mengeluarkan suatu arahan secara bertulis kepada orang utama yang mengemukakan supaya mengeluarkan perakuan siap dan pematuhan atau perakuan siap dan pematuhan sebahagian, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(11) Jika pihak berkuasa tempatan tidak menjalankan pemeriksaan ke atas kerja-kerja pembetulan tersebut menurut perenggan (9) dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan itu, maka hendaklah disifatkan bahawa pihak berkuasa tempatan berpuas hati bahawa kerja-kerja pembetulan itu telah disiapkan dengan memuaskan.

(12) Jika kemungkiran atau ketidakpatuhan itu tidak dibetulkan oleh orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (7), pihak berkuasa tempatan sendiri boleh menyebabkan apa-apa kerja dilaksanakan atau apa-apa langkah diambil jika pihak berkuasa tempatan berpendapat bahawa kerja atau suatu langkah itu adalah perlu bagi membetulkan ketidakpatuhan itu.

(13) Kos untuk melaksanakan kerja atau mengambil suatu langkah tersebut sebagaimana yang dirujuk dalam perenggan (12) hendaklah ditanggung oleh pemunya bangunan itu.

(14) Perakuan siap dan pematuhan atau perakuan siap dan pematuhan sebahagian, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah tidak dikeluarkan oleh orang utama yang mengemukakan sehingga semua kemungkiran atau ketidakpatuhan berkenaan dengan bangunan itu telah dibetulkan dengan memuaskan.

(15) Suatu sijil keselamatan kebakaran daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat (kecuali untuk bangunan kediaman yang tidak melebihi 18 meter tinggi) hendaklah dilampirkan bersama Borang G8 dan G9.

(16) Suatu sijil kelayakan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan hendaklah dilampirkan bersama Borang G11.

(17) Suatu surat pengesahan daripada pihak berkuasa air bahawa bekalan air telah sedia untuk sambungan hendaklah dilampirkan bersama Borang G13.

(18) Suatu surat penjelasan daripada suatu agensi pemerakuan pembentungan hendaklah dilampirkan bersama Borang G14 dan G15.

(19) Suatu surat pengesahan daripada Tenaga Nasional Berhad bahawa bekalan kuasa elektrik telah sedia untuk sambungan hendaklah dilampirkan bersama Borang G16.

(20) Suatu surat pengesahan daripada pihak berkuasa tempatan yang berkaitan atau Jabatan Kerja Raya hendaklah dilampirkan bersama Borang G17 dan jika surat pengesahan itu telah tidak diterima oleh orang yang mengemukakan dalam masa empat belas hari dari tarikh permohonan, surat pengesahan itu hendaklah disifatkan telah diberikan.”.

Pemotongan undang-undang kecil 25A

20. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 25A.

Pemotongan undang-undang kecil 26

21. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 26.

Penggantian undang-undang kecil 27

22. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 27 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Perakuan siap dan pematuhan sebahagian

27. (1) Orang utama yang mengemukakan boleh mengeluarkan suatu perakuan siap dan pematuhan sebahagian dalam Borang F1 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua, berkenaan dengan mana-mana bahagian suatu bangunan yang telah siap sebahagian tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan yang difikirkannya perlu bagi sebab kesihatan dan keselamatan awam.

(2) Walau apapun yang dinyatakan dalam perenggan (1), tiada perakuan siap dan pematuhan sebahagian hendaklah dikeluarkan melainkan jika semua perkhidmatan perlu termasuk suatu jalan akses, pandangan darat, tempat letak kereta, parit, pemasangan sanitari, air, elektrik, komunikasi, pili bomba, kehendak-kehendak pembedungan dan pembuangan sampah, dan lif bomba jika dikehendaki, yang diadakan bagi bahagian bangunan yang telah siap sebahagian itu telah disediakan.

(3) Suatu perakuan siap dan pematuhan sebahagian apabila dikeluarkan hendaklah berkuat kuasa berterusan sehingga keseluruhan bangunan itu telah siap dan suatu perakuan siap dan pematuhan telah dikeluarkan menurut undang-undang kecil 25.

(4) Suatu sijil keselamatan kebakaran daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat (kecuali untuk bangunan kediaman yang tidak melebihi 18 meter tinggi) hendaklah dilampirkan bersama Borang G8 dan G9.

(5) Suatu sijil kelayakan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan hendaklah dilampirkan bersama Borang G11.

(6) Suatu surat pengesahan daripada pihak berkuasa air bahawa bekalan air telah sedia untuk pemasangan hendaklah dilampirkan bersama Borang G13.

(7) Suatu surat penjelasan daripada suatu agensi pemerakuan pembentungan hendaklah dilampirkan bersama Borang G14 dan G15.

(8) Suatu surat pengesahan daripada Tenaga Nasional Berhad bahawa bekalan kuasa elektrik telah sedia untuk pemasangan hendaklah dilampirkan bersama Borang G16.

(9) Suatu surat pengesahan daripada pihak berkuasa tempatan yang berkaitan atau Jabatan Kerja Raya hendaklah dilampirkan bersama Borang G17 jika surat pengesahan tidak diterima oleh orang yang mengemukakan dalam masa empat belas hari dari tarikh permohonan, surat pengesahan itu hendaklah disifatkan telah diberikan.”.

Penggantian undang-undang kecil 28

23. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 28 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Kesalahan

28. (1) Jika orang utama yang mengemukakan tersebut telah gagal mendepositkan suatu salinan perakuan siap dan pematuhan atau perakuan siap dan pematuhan sebahagian, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan Borang G1 hingga G21 dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan 25(4) dengan pihak berkuasa tempatan dan Lembaga Arkitek Malaysia atau Lembaga Jurutera Malaysia, mengikut mana-mana yang berkenaan, dia adalah bersalah atas suatu kesalahan.

(2) Jika orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan telah gagal mematuhi notis yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan mengikut perenggan 25(5) berkenaan dengan pembetulan apa-apa kemungkiran kepada bangunan atau ketidakpatuhan dengan Undang-Undang Kecil ini, dia adalah bersalah atas suatu kesalahan.”.

Pindaan undang-undang kecil 29

24. Undang-undang kecil 29 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “orang-orang yang mengemukakan” perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”.

Undang-undang kecil baru 34A

25. Undang-undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 34 undang-undang kecil yang berikut:

“Kehendak-kehendak bangunan untuk orang-orang yang kurang keupayaan

34A. (1) Mana-mana bangunan atau bahagian daripadanya di mana undang-undang kecil ini terpakai—

- (a) hendaklah disediakan dengan akses bagi membolehkan seseorang yang kurang keupayaan untuk masuk ke dalam, keluar darinya dan bergerak di dalam bangunan itu kecuali bagi mana-mana bahagian bangunan itu yang akses boleh disediakan sepenuhnya atau terutamanya bagi pemeriksaan, penyelenggaraan atau pembaikan bangunan, perkhidmatannya atau loji tetap atau jentera; dan
- (b) hendaklah direka bentuk dengan kemudahan untuk kegunaan orang yang kurang keupayaan.

(2) Kehendak-kehendak undang-undang kecil ini hendaklah disifatkan sebagai dipenuhi oleh pematuhan dengan PM 1183 dan PM 1184.

(3) Bangunan-bangunan yang undang-undang kecil ini terpakai dan pada tarikh mula berkuat kuasa undang-undang kecil ini telah didirikan, sedang didirikan atau belum didirikan tetapi pelan-pelan telah dikemukakan dan diluluskan, hendaklah diubah suai atau dipinda untuk mematuhi undang-undang kecil ini dalam masa tiga tahun daripada tarikh mula berkuat kuasa undang-undang kecil ini.

(4) Walau apapun perenggan (3), pihak berkuasa tempatan boleh, jika ia berpuas hati bahawa adalah wajar untuk berbuat demikian—

- (a) membenarkan suatu pelanjutan atau pelanjutan seterusnya tempoh dalam kehendak-kehendak undang-undang kecil ini akan dipatuhi; atau
- (b) membenarkan perubahan, pelencongan atau pengecualian sebagaimana yang dinyatakan daripada mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini.

(5) Mana-mana orang yang terkilan dengan mana-mana keputusan pihak berkuasa tempatan di bawah perenggan (4) boleh, dalam tempoh tiga puluh hari selepas orang yang terkilan itu telah diberitahu keputusan tersebut, merayu secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Negeri, yang keputusannya adalah muktamad.

Pindaan undang-undang kecil 37

26. Undang-undang kecil 37 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (4), dengan menggantikan perkataan “1.83” perkataan “1.80”.

Pindaan undang-undang kecil 38

27. Undang-undang kecil 38 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (1), dengan menggantikan perkataan “2.25” perkataan “2.10”.

Undang-undang kecil baru 38A dan 38B

28. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 38 undang-undang kecil yang berikut:

“Kecekapan tenaga di dalam bangunan

38A. (1) Suatu bangunan bukan kediaman yang baru atau diubah suai dengan ruang penyaman udara melebihi 4,000 meter persegi—

(a) hendaklah direka bentuk bagi memenuhi kehendak-kehendak PM 1525 berkenaan dengan *Overall Thermal Transfer Value* (OTTV) dan *Roof Thermal Transfer Value* (RTTV); dan

(b) hendaklah disediakan dengan suatu Sistem Pengurusan Tenaga.

(2) Bumbung bagi semua bangunan (kediaman dan bukan kediaman) hendaklah mempunyai suatu kepancaran arus udara panas (*U-value*) yang tidak melebihi—

(a) 0.4 W/m²K bagi suatu bumbung bebanan ringan (di bawah 50 kg/m²); dan

(b) 0.6 W/m²K bagi suatu bumbung bebanan berat (50 kg/m² atas),

melainkan dengan cara teduhan atau penyejukan yang lain yang disediakan.

Perlindungan struktur bangunan daripada panahan petir

38BA. (1) Penilaian risiko dan peruntukan bagi langkah-langkah melindungi struktur bangunan daripada panahan petir hendaklah mematuhi kehendak-kehendak sebagaimana yang dinyatakan dalam PM IEC 62305.

(2) Bagi maksud perenggan (1), “PM IEC” ertinya edisi Piawaian Malaysia yang bersamaan dengan Piawaian *International Electrotechnical Commission* yang terakhir diterbitkan.”.

Pindaan undang-undang kecil 39

29. Undang-undang kecil 39 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (1)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “bilik itu dan” perkataan “tidak kurang daripada separuh daripada 10 peratus keluasan lantai itu”; dan

(ii) dengan memotong perkataan “yang tidak kurang daripada 5% daripada keluasan lega lantai itu”;

- (b) dalam perenggan (2)—
- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “bilik itu dan” perkataan “tidak kurang daripada dua pertiga daripada 15 peratus keluasan lantai itu”; dan
 - (ii) dengan memotong perkataan “yang tidak kurang daripada 71/2% daripada keluasan lantai itu”;
- (c) dalam perenggan (3)—
- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “bilik itu dan” perkataan “tidak kurang daripada separuh daripada 20 peratus keluasan lantai itu”; dan
 - (ii) dengan memotong perkataan “yang tidak kurang daripada 10% daripada keluasan lantai itu”.

Pindaan undang-undang kecil 41

30. Undang-undang kecil 41 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—
- (a) dalam perenggan (1), dengan menggantikan perkataan “boleh diketepikan mengikut budi bicara pihak berkuasa tempatan” perkataan “hendaklah tidak terpakai”; dan
 - (b) dalam perenggan (2), dengan menggantikan perkataan “Sesuatu permohonan untuk mengenenpikan undang-undang kecil yang relevan itu hanya boleh dipertimbangkan jika selain daripada sistem penyamanan udara yang kekal itu ada diperuntukkan cara-cara pengudaraan lain yang diluluskan” perkataan “Suatu sistem penyamanan udara yang kekal itu hendaklah disediakan dengan cara lain”.

Pindaan undang-undang kecil 48

31. Undang-undang kecil 48 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (1), dengan memasukkan selepas perkataan “nombor telefon” perkataan “orang utama yang mengemukakan,”.

Pindaan undang-undang kecil 54

32. Undang-undang kecil 54 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—
- (a) dalam perenggan (2)—
 - (i) dengan menggantikan subperenggan (a) subperenggan yang berikut:
 - “(a) beban kekal hendaklah dikira mengikut PM PE 1991-1-1 atau sebagaimana diperuntukkan selepas ini;”;

- (ii) dalam subperenggan (*b*), dengan menggantikan perkataan “TAPB 3 Bab V Bahagian I atau sebagaimana diperuntukkan selepas ini dalam Bahagian ini” perkataan “PM PE 1991-1-1 atau sebagaimana diperuntukkan selepas ini”; dan
- (iii) dengan menggantikan subperenggan (*c*) subperenggan yang berikut:
 - “(c) beban angin hendaklah dikira mengikut PM 1553.”; dan

(*b*) dengan memotong perenggan (3).

Pindaan undang-undang kecil 56

33. Undang-undang kecil 56 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—
- (a) dalam perenggan (1), dengan menggantikan perkataan “dalam PB 648” perkataan “mengikut PM PE 1991-1-1”; dan
 - (b) dalam perenggan (2), dengan menggantikan perkataan “Jadual Keempat Undang-Undang Kecil ini” perkataan “PM PE 1991-1-1”.

Pindaan undang-undang kecil 57

34. Undang-undang kecil 57 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong perkataan “(102kgf/m²)”.

Penggantian undang-undang kecil 59

35. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 59 undang-undang kecil yang berikut:

“Beban guna lantai

59. Semua beban guna lantai hendaklah dikira mengikut PM PE 1991-1-1.”.

Pindaan undang-undang kecil 60

36. Undang-undang kecil 60 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “lantai itu” perkataan “mengikut PM PE 1991-1-1”.

Pindaan undang-undang kecil 61

37. Undang-undang kecil 61 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—
- (a) dalam perenggan (1)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “bagi beban-beban berikut:” perkataan “mengikut PM PE 1991-1-1.”; dan
 - (ii) dengan memotong perenggan (*a*) dan (*b*); dan
 - (b) dengan memotong perenggan (2).

Penggantian undang-undang kecil 62

38. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 62 undang-undang kecil yang berikut:

“Pengurangan pada jumlah beban guna lantai

62. Pengurangan pada anggapan jumlah beban guna lantai yang diberi dalam PM PE 1991-1-1 hendaklah diambil dalam mereka bentuk tiang, tembok sambut, dinding, penyangga dan asas tapaknya.”.

Penggantian undang-undang kecil 63

39. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 63 undang-undang kecil yang berikut:

“Beban guna bumbung

63. Bagi maksud undang-undang kecil ini, beban guna bumbung hendaklah direka bentuk mengikut PM PE 1991-1-1.”.

Penggantian undang-undang kecil 64

40. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 64 undang-undang kecil yang berikut:

“Bumbung lengkung

64. Beban guna di atas suatu bumbung lengkung hendaklah dikira mengikut PM PE 1991-1-1.”.

Pindaan undang-undang kecil 65

41. Undang-undang kecil 65 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pada suatu cerun kurang daripada 45° hendaklah berkeupayaan menanggung beban 0.9 kN (91.8 kgf) tertumpu di atas mana-mana persegi dengan sisi 125 milimeter, diukur pada satah bumbung itu” perkataan “hendaklah mengikut PM PE 1991-1-1”.

Pindaan undang-undang kecil 67

42. Undang-undang kecil 67 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “berkeupayaan menanggung dengan selamatnya suatu beban ampaian tertumpu yang tidak kurang daripada 9.0 kN (918 kgf) sebagai tambahan kepada beban guna di atas bumbung itu” perkataan “direka bentuk mengikut PM PE 1991-1-1”.

Pindaan undang-undang kecil 68

43. Undang-undang kecil 68 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (3) perenggan yang berikut:

“(3) Jika tiada data yang mencukupi untuk perkiraan tersebut, tambahan kepada beban-beban guna itu hendaklah mengikut PM PE 1991-1-1.”; dan

(b) dengan menggantikan perenggan (4) perenggan yang berikut:

“(4) Beban guna tertumpu termasuk efek hentaman dan getaran yang boleh timbul disebabkan jentera yang terpasang hendaklah dipertimbang dan diperuntukkan dalam rekabentuk itu. Dalam mana-mana hal tambahan pada beban guna tidak boleh kurang daripada 20 peratus atau piawaian minimum sebagaimana yang dinyatakan dalam PM PE 1991-1-1, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.”.

Pindaan undang-undang kecil 69

44. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 69 undang-undang kecil yang berikut:

“Galang gantri kren

69. Mengenai galang gantri kren, semua daya yang disebabkan oleh getaran, gegaran daripada gelinciran ali-ali, tindakan kinetik pencepatan dan pelambatan dan hentaman beban roda tersebut hendaklah direka bentuk mengikut PM PE 1991-1-1.”.

Pindaan undang-undang kecil 70

45. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 70 undang-undang kecil yang berikut:

“Parapet dan pelepar

70. Parapet, pelepar dan panel yang lebih rendah bagi salutan atau dinding tirai hendaklah direka bentuk bagi beban-beban minimum mengikut PM PE 1991-1-1.”.

Pindaan undang-undang kecil 71

46. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 71 undang-undang kecil yang berikut:

“Penggadang kenderaan bagi tempat letak kereta

71. Semua penggadang kenderaan termasuk parapet dan pelepar hendaklah direka bentuk bagi daya ketahanan impak kenderaan mengikut PM PE 1991-1-1.”.

Pindaan undang-undang kecil 72

47. Undang-undang kecil 72 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (3), dengan memasukkan selepas perkataan “dikenakan” perkataan “termasuk sebarang tekanan artesis”.

Pindaan undang-undang kecil 73

48. Undang-undang kecil 73 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perenggan (1) perenggan yang berikut:

“(1A) Kerja tanah, kerja bangunan di bawah tanah dan kekuatan asas tapak bangunan perlu direka bentuk berasaskan kepada ujian lapangan dan ujian makmal bagi penyiasatan tapak yang wajar dan ujian tersebut hendaklah dilaksanakan dan diselia oleh seorang jurutera profesional yang mempunyai pengalaman geoteknikal yang berkaitan.”;

(b) dalam subperenggan (1)(b), dengan menggantikan perkataan “pengembangan dan pengecutan tanah bawah” perkataan “mendapan dan pergerakan tanah”; dan

(c) dengan menggantikan perenggan (2) sedia ada perenggan yang berikut:

“(2) Kehendak-kehendak perenggan (2) hendaklah disifatkan sebagai dipenuhi jika asas tapak suatu bangunan itu direka bentuk dan dibina mengikut PM PE 1997.”.

Pemotongan undang-undang kecil 74

49. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 74.

Penggantian undang-undang kecil 75

50. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 75 undang-undang kecil yang berikut:

“Asas tapak konkrit tetulang

75. Asas tapak konkrit tetulang hendaklah direka bentuk dan dibina mengikut PM PE 1990, PM PE 1991 dan PM PE 1992.”.

Pemotongan undang-undang kecil 76

51. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 76.

Undang-undang kecil baru 76A

52. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 76 undang-undang kecil yang berikut:

“Bangunan di cerun bukit

76A. Tiap-tiap bangunan yang hendak dibina di atas cerun bukit hendaklah mematuhi suatu kehendak perancangan sebagaimana yang boleh ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan.”.

Pemotongan undang-undang kecil 77

53. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 77.

Penggantian undang-undang kecil 78

54. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 78 undang-undang kecil yang berikut:

“Asas tapak di bawah lantai dasar parit

78. Di antara suatu jarak tidak kurang daripada kedalaman bagi suatu parit diukur daripada tepi penutup parit, tiada bahagian suatu bangunan hendaklah didirikan dengan paras asas tapak substrukturnya yang lebih tinggi daripada 450 milimeter di bawah paras dasar parit, melainkan keseluruhan suatu bangunan itu diadakan cerucuk selain cerucuk kayu.”.

Pindaan undang-undang kecil 79

55. Undang-undang kecil 79 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “, lebar asas tapak konkrit yang dinyatakan dalam Jadual Keempat kepada Undang-Undang Kecil ini hendaklah diubahsuai dengan sewajarnya.” perkataan “bagi suatu lot bangunan yang berhampiran, takat bagi asas tapak konkrit hendaklah tidak melebihi sempadan lot itu sendiri.”.

Pindaan undang-undang kecil 80

56. Undang-undang kecil 80 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (2) perenggan yang berikut:

“(2) Kehendak-kehendak di perenggan (1) hendaklah disifatkan sebagai dipenuhi jika reka bentuk dan pembinaan struktur atau sebahagian daripada struktur itu telah mematuhi piawaian yang berikut:

PM PE 1990 – Reka bentuk struktur asas;

PM PE 1991 – Tindakan ke atas struktur;

PM PE 1992 – Reka bentuk struktur konkrit;

- PM PE 1993 – Reka bentuk struktur keluli;
- PM PE 1994 – Reka bentuk keluli gabungan dan struktur konkrit;
- PB PE 1995 – Reka bentuk struktur balak atau
- PM 544 – Tata amalan bagi penggunaan struktur balak;
- PM PE 1996 – Reka bentuk struktur kerja batu;
- PM PE 1998 – Reka bentuk struktur untuk rintangan gempa bumi;
dan
- PM PE 1999 – Reka bentuk struktur aluminium.”.

Pindaan undang-undang kecil 81

57. Undang-undang kecil 81 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (1), dengan menggantikan perkataan “dijadikan atau menjadi tidak berbahaya dan telah ditambah dengan selapis tanah bukit, teras keras, batu hangus atau abu yang dihentak-asak sehingga sekurang-kurangnya 0.305 meter tebal” perkataan “dirawat dengan sempurna berdasarkan teknik geoteknikal mengikut PM 1754 dan PM 1756”.

Pindaan undang-undang kecil 83

58. Undang-undang kecil 83 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (1) perenggan yang berikut:

“(1) Semua cerun di dalam dan di sekeliling bangunan hendaklah dilindungi secara bersesuaian daripada hakisan tanah dan kegagalan cerun dan hendaklah dipantau dan disenggara secara teratur.”.

Pindaan undang-undang kecil 84

59. Undang-undang kecil 84 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (3)—

- (a) dengan memotong perkataan “bata atau dinding batu”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “alas jalur” perkataan “asas tapak”;
dan
- (c) dalam subperenggan (b), dengan menggantikan perkataan “kayu-kayu”
perkataan “bahagian”.

Undang-undang kecil baru 86

60. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 86 undang-undang kecil yang berikut:

“Dinding dua pihak

86. (1) Semua dinding dua pihak hendaklah pada amnya tidak kurang daripada 200 milimeter jumlah tebalnya bagi batu padat atau dibina daripada bahan lain pelbagai ketebalan jika dinding dua pihak mematuhi Bahagian

V, VI dan VII Undang-Undang Kecil ini dan mempunyai prestasi akustik yang tidak kurang daripada STC 50 pelemahan kehilangan penghantaran suara (penarafan STC).

(2) Suatu dinding dua pihak tersebut hendaklah terdiri daripada dua lapis berasingan, setiap satu lapis hendaklah tidak kurang daripada 100 milimeter ketebalan jika dibina pada masa berlainan.

(3) Bangunan kediaman bertingkat konkrit tetulang atau pembinaan kerangka yang lain hendaklah dibina mengikut kehendak-kehendak Undang-Undang Kecil ini, dinding dua pihak hendaklah tidak kurang daripada 100 milimeter jumlah ketebalan di mana-mana titik pada dinding.

(4) Tiada bahan mudah terbakar hendaklah dibina ke dalam ketebalan mana-mana dinding dua pihak melainkan tidak kurang daripada 100 milimeter kerja batu atau suatu pengadang api yang setara dengan tempoh ketahanan api hendaklah diperuntukkan di antara bahan itu.

(5) Ruang buka boleh dibuat atau dibiarkan dalam suatu dinding dua pihak dengan syarat bahawa izin bertulis pemunya harta yang berkenaan diperolehi dan mengikut Undang-Undang Kecil ini.

(6) Tiap-tiap ruang buka dalam suatu dinding dua pihak hendaklah dikembalikan semula kepada keadaan asalnya dan diikat dengan sempurna apabila penggunaan ruang buka itu tidak diteruskan.”.

Pemotongan undang-undang kecil 87

61. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 87.

Pindaan undang-undang kecil 88

62. Undang-undang kecil 88 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dengan memotong perkataan “atau dinding dua pihak”; dan

(b) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “dan 200 milimeter tebalnya bagi suatu dinding dua pihak”.

Pemotongan undang-undang kecil 89

63. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 89.

Pemotongan undang-undang kecil 92

64. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 92.

Pindaan undang-undang kecil 93

65. Undang-undang kecil 93 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam subperenggan (b)(ii), dengan menggantikan perkataan “tembok sambutnya” perkataan “suatu tiang”.

Pemotongan undang-undang kecil 94

66. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 94.

Penggantian undang-undang kecil 95

67. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 95 undang-undang kecil yang berikut:

“Dinding panel luar

95. Dalam semua hal di mana kerja batu atau bahan dan komponen lain yang digunakan bagi dinding panel luar, dinding tersebut hendaklah dipasang dengan sempurna kepada kerangka struktur itu mengikut Bahagian V Undang-Undang Kecil ini.”.

Pemotongan undang-undang kecil 97

68. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 97.

Pindaan undang-undang kecil 99

69. Undang-undang kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 99 undang-undang kecil yang berikut:

“Kemudahan memasak dalam bangunan kediaman

99. (1) Tiap-tiap bangunan kediaman dan tiap-tiap lantai suatu bangunan kediaman yang boleh disewakan secara berasingan bagi maksud kediaman hendaklah disediakan dengan sebuah dapur.

(2) Jika suatu salur penyedut asap dapur menegak yang umum disediakan, salur udara itu hendaklah diteruskan sehingga mencapai suatu lantai mekanikal atau bumbung untuk lepasan terbuka dan hendaklah dibina dengan sempurna daripada bahan tahan api sekurang-kurangnya pada kadar 2 jam mengikut PB 476: Bahagian 3.”.

Pemotongan undang-undang kecil 100

70. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 100.

Pemotongan undang-undang kecil 103

71. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 103.

Pemotongan undang-undang kecil 104

72. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 104.

Pindaan undang-undang kecil 106

73. Undang-undang kecil 106 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (1), dengan menggantikan perkataan “255” perkataan “275”.

Pindaan undang-undang kecil 107

74. Undang-undang kecil 107 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (2), dengan menggantikan perkataan “2225” di mana-mana jua terdapat perkataan “2200”.

Pindaan undang-undang kecil 109

75. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 109 undang-undang kecil yang berikut:

“Anak tangga tirus

109. Tangga pilin dan tangga keliling hendaklah tidak menjadi sebahagian daripada jalan keluar.”.

Pindaan undang-undang kecil 111

76. Undang-undang kecil 111 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dan diganti udara dengan sempurna mengikut kehendak-kehendak pihak berkuasa tempatan” perkataan “pada paras kecahayaan tersebut purata tidak kurang daripada 100 lux dan diganti udara mengikut kehendak-kehendak sebagaimana yang ditentukan di bawah undang-undang kecil 198 hingga 200 Bahagian VII”.

Pindaan undang-undang kecil 112

77. Undang-undang kecil 112 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dengan menomborkan semula perenggan sedia ada sebagai perenggan (1); dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (1) perenggan yang berikut:

“(2) Penggunaan bahan lain sebagai dinding adalah tertakluk kepada kelulusan daripada Ketua Pengarah.”.

Pemotongan undang-undang kecil 114

78. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 114.

Penggantian undang-undang kecil 115

79. Undang-Undang kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 115 undang-undang kecil yang berikut:

“Penutup bumbung dan saliran dengan suatu sistem pengumpulan dan penggunaan semula air hujan (SPAH)

115. (1) Semua bumbung bangunan hendaklah dibina supaya boleh disalurkan dengan berkesan kepada saluran, talang, pelongsor atau palung yang sesuai dan mencukupi yang hendaklah disediakan mengikut kehendak-kehendak Undang-Undang Kecil ini bagi menerima dan membawa semua air yang jatuh di atas dan daripada bumbung itu.

(2) Bagi bangunan yang dikehendaki memasang SPAH, reka bentuk dan pembinaan SPAH hendaklah mematuhi kehendak-kehendak seperti yang berikut:

(a) air hujan hendaklah tidak mengalir ke dalam tangki air awam;

(b) air daripada tangki air awam boleh mengalir ke dalam tangki air hujan dengan syarat ia dilengkapkan dengan suatu injap sehalu tidak dikembalikan atau paip limpah dalam tangki air hujan hendaklah ditempatkan sekurang-kurangnya 225 milimeter di bawah daripada paip salur masuk ke suatu tangki air hujan;

(c) salur keluar SPAH dan tangki air hujan hendaklah ditanda **“Bukan Untuk Minuman Atau Mandi”** dengan jelas;

(d) talang yang digunakan hendaklah mempunyai suatu kecerunan yang mencukupi untuk mencegah air bertakung; dan

(e) paip air hujan hendaklah bewarna hijau.”.

Pindaan undang-undang kecil 117

80. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 117 undang-undang kecil yang berikut:

“Akses kepada ruang bumbung

117. Jika ruang di bawah suatu bumbung dikepongi oleh suatu siling, akses kepada ruang itu hendaklah disediakan dengan cara suatu pintu kolong sekurang-kurangnya 600 milimeter ke mana-mana arah.”.

Pemotongan undang-undang kecil 118

81. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 118.

Pemotongan undang-undang kecil 120

82. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 120.

Pemotongan undang-undang kecil 121

83. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 121.

Pemotongan undang-undang kecil 122

84. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 122.

Pemotongan undang-undang kecil 123

85. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 123.

Pindaan tajuk Bahagian VII

86. Bahagian VII Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan tajuk tajuk yang berikut:

“KEHENDAK-KEHENDAK PEPASANGAN KESELAMATAN
KEBAKARAN”.

Pindaan undang-undang kecil 133

87. Undang-undang kecil 133 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan tafsiran “K.P.P.B.” tafsiran yang berikut:

‘ “Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Bomba dan Penyelamat;’;

(b) dengan memasukkan selepas tafsiran “ketahanan api” tafsiran yang berikut:

‘ “koridor terbuka” ertinya suatu koridor yang mempunyai ruang buka dinding yang terbuka kepada atmosfera terutamanya bagi pelepasan asap yang mencukupi;’;

(c) dengan memasukkan selepas tafsiran “lubong terlindung” tafsiran yang berikut:

‘ “lubong menentang kebakaran” ertinya suatu kepongan terlindung yang mengandungi suatu tangga menentang kebakaran dan suatu ruang akses menentang kebakaran dengan atau tanpa suatu lif bomba;’;

(d) dalam tafsiran “penahanan api”, dengan memotong perkataan “: Bahagian 8: 1972;”;

(e) dalam tafsiran “tangga terlindung”, dengan menggantikan perkataan “terlindung” perkataan “keluar”;

(f) dalam tafsiran “tak boleh terbakar”, dengan memotong perkataan “: Bahagian 4 (1970)”;

(g) dalam tafsiran “tempoh ketahanan api”, dengan menggantikan perkataan “PB 476: Bahagian 1: 1953” perkataan “PM 1073”;

(h) dengan memasukkan selepas tafsiran “struktur pelindung” tafsiran yang berikut:

‘ “struktur terbuka” ertinya suatu struktur yang pada setiap paras mempunyai dinding ruang buka terbuka kepada atmosfera;’; dan

(i) dengan memotong tafsiran—

(i) “J.P.B.”;

(ii) “pemasangan gelung hos”;

(iii) “pemasangan penggera kebakaran”;

(iv) “pemasangan semburan”;

(v) “pili bomba”;

- (vi) “pintu penahan asap”;
- (vii) “sistem pancur basah”;
- (viii) “sistem pancur kering”.

Pindaan undang-undang kecil 136

88. Undang-undang kecil 136 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam proviso—

- (a) dengan menggantikan perkataan “syor-syor relevan Kaedah-Kaedah J.P.B. bagi Pemasangan Semburan Automatik, edisi ke 29” perkataan “PM 1910”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “dua” perkataan “kecuali bagi suatu wad penginapan pesakit mengikut undang-undang kecil 224A”.

Undang-undang kecil baru 136A

89. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 136 undang-undang kecil yang berikut:

“Penggunaan pengatup kebakaran

136A. (1) Suatu pengatup kebakaran boleh dibenarkan untuk digunakan sebagai suatu dinding pangsa, kecuali bagi pemetakan kebakaran Pusat Pemerintahan Kebakaran (PPK) atau cara melepaskan diri termasuklah suatu tangga melepaskan diri, ruang akses menentang kebakaran, ruang asap atau laluan tempat keluar dalaman.

(2) Suatu pengatup, boleh digunakan untuk melindungi suatu ruang buka dalam dinding pangsa atau lantai petak dan penutup tersebut hendaklah mempunyai ketahanan api yang perlu termasuk suatu penebat haba, yang tidak kurang daripada ketahanan api dinding pangsa atau lantai petak itu.

(3) Walau bagaimanapun, pengatup kebakaran yang boleh dipasang di mana-mana kawasan tanpa apa-apa beban api yang diniatkan seperti di sisi atria atau lompong seperti kawasan eskalator yang lompong, laluan masuk tempat letak kereta dan antara lantai atau laluan pintu, boleh tidak perlu penebat haba.

(4) Pengatup yang lazim digunakan seperti pengatup kebakaran menegak, pengatup kebakaran melintang dan pengatup kebakaran sisian hendaklah mematuhi PM 1073: Bahagian 3: atau PB 476: Bahagian 22 dan kehendak-kehendak yang berikut:

- (a) bagi suatu pengatup kebakaran menegak yang dikendalikan secara graviti semasa sesuatu kebakaran, apabila pengaktifan oleh suatu sistem penggera kebakaran atau pautan boleh lakur, mekanisma

operasi bagi suatu tirai atau daun pengatup kebakaran menegak hendaklah dilepaskan; dan tirai atau daun tersebut hendaklah diturunkan di bawah graviti pada suatu kadar yang terkawal; dan

- (b) bagi suatu pengatup kebakaran menegak, pengatup kebakaran sisian atau pengatup kebakaran melintang yang dikendalikan secara elektrik (suatu pautan boleh lakur tidak dikehendaki), apabila pengaktifan oleh suatu sistem penggera kebakaran diaktifkan, motor elektrik hendaklah memacu tirai atau daun pintu untuk penurunan dan hendaklah disokong oleh suatu bekalan kuasa kecemasan; dan kuasa dan kabel isyarat hendaklah berkadar api.

(5) Cara pengaktifan bagi pengatup kebakaran di lokasi yang berbeza hendaklah seperti yang berikut:

- (a) jika pengatup kebakaran tersebut digunakan sebagai suatu dinding pengasing antara dua bangunan—

(i) jika dua bangunan yang diasingkan oleh suatu pengatup kebakaran bersama, kedua-dua pengatup api yang dikendalikan secara graviti dan dikendalikan secara elektrik hendaklah dihubungkan dengan sistem penggera kebakaran bagi kedua-dua bangunan dan hendaklah diaktifkan oleh sistem penggera kebakaran dari salah satu bangunan, dan pengaktifan semata-mata oleh suatu pautan boleh lakur hendaklah tidak dibenarkan; dan

(ii) jika dua bangunan yang diasingkan oleh dua pengatup kebakaran yang berasingan, kedua-dua pengatup kebakaran yang dikendalikan secara graviti dan dikendalikan secara elektrik hendaklah diaktifkan oleh sistem penggera kebakaran bangunannya sendiri, dan pengaktifan semata-mata oleh pautan boleh lakur hendaklah tidak dibenarkan;

- (b) jika pengatup kebakaran tersebut digunakan sebagai suatu dinding pangsa atau lantai petak bagi suatu keluasan petak yang terhad dan takat kubikel, sebagai pemetakan antara kumpulan maksud yang berbeza dan sebagai pemetakan bagi suatu ruang lif penumpang atau barang yang terletak di tingkat bawah tanah:

(i) bagi suatu pengatup kebakaran menegak yang dikendalikan secara graviti, pengaktifan melalui suatu pautan boleh lakur adalah dibenarkan; dan

(ii) bagi suatu pengatup kebakaran yang dikendalikan secara elektrik, pengaktifan hendaklah melalui pengesanan asap setempat atau penggera kebakaran lain;

(c) jika pengatup kebakaran digunakan sebagai pemetakan di atria atau lompang atau antara lantai (menjadi sebahagian daripada kejuruteraan reka bentuk kawalan asap), hanya suatu pengatup kebakaran yang dikendalikan secara elektrik hendaklah dibenarkan, dan isyarat bagi pengendalian pengatup kebakaran yang berkaitan hendaklah daripada suatu pengesan asap yang dikhususkan yang dipasang di kawasan asap tertentu.

(6) Suatu papan tanda arah keluar ditandakan dengan anak panah dan perkataan “**KELUAR**” hendaklah dicat atau ditampal dengan jelas pada suatu pengatup kebakaran atau tirai asap bagi mengarahkan semula penghuni bangunan tersebut untuk keluar ke jalan keluar yang terdekat jika pengatup yang diaktifkan mengaburkan penglihatan jalan keluar bangunan atau papan tanda arah.

(7) Papan tanda tersebut hendaklah memantulkan cahaya dan huruf-huruf dalam papan tanda itu hendaklah sekurang-kurangnya dalam ketinggian 100 milimeter.”.

Penggantian undang-undang kecil 137

90. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 137 undang-undang kecil yang berikut:

“Pemetakan mengikut ketinggian

137. (1) Dalam mana-mana bangunan yang tidak melebihi 30 meter tinggi, mana-mana lantai yang tingginya lebih daripada 9 meter di atas paras tingkat bawah yang mengasingkan satu tingkat daripada satu tingkat yang lain, selain daripada lantai yang berada sama ada dalam lantai maisonet atau mezanin, hendaklah dibina sebagai lantai petak.

(2) Dalam mana-mana bangunan yang melebihi 30 meter tinggi, semua lantai hendaklah dibina sebagai lantai-lantai petak selain daripada petak yang di antara maisonet kediaman yang boleh merangkumi dua paras tingkat.

(3) Suatu atrium hendaklah mematuhi kehendak-kehendak undang-undang kecil 252A.”.

Undang-undang kecil 138A

91. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 138 undang-undang kecil yang berikut:

“Dinding sekat

138A. Tiap-tiap dinding sekat dalam suatu bangunan hendaklah mematuhi Jadual Kesembilan-Bahagian IX dan bahan bagi kemasan suatu permukaan dinding sekat hendaklah tidak boleh dianggap sebagai sebahagian daripada dinding dan hendaklah mematuhi peruntukan undang-undang kecil 206 yang berkaitan.”.

Pindaan undang-undang kecil 139

92. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 139 undang-undang kecil yang berikut:

“Pengasingan kawasan risiko kebakaran

139. (1) Kawasan atau penggunaan berikut hendaklah diasingkan daripada kawasan pendudukan yang lain yang ditempatkan oleh pembinaan suatu penahan kebakaran daripada suatu elemen struktur yang mempunyai tempoh ketahanan api mengikut Jadual Kesembilan berdasarkan darjah risiko suatu kebakaran:

- (a) suatu bilik dandang atau kawasan storan bahan api yang berkaitan;
- (b) suatu kedai membaiki yang melibatkan proses atau bahan bahaya;
- (c) suatu kawasan storan bahan berbahaya;
- (d) suatu kawasan storan gas petroleum cair;
- (e) suatu bilik alat ubah atau substesyen;
- (f) suatu stor cecair mudah terbakar;
- (g) suatu lubang untuk suatu pancur elektrik tidak termasuk lubang bagi suatu sistem voltan rendah tambahan; atau
- (h) suatu bilik sejuk.

(2) Bagi suatu hospital atau rumah rawatan daripada Kumpulan Maksud II (Institusional), suatu makmal atau dapur hendaklah tidak mempunyai tempat tidur di atasnya dan hendaklah menjadi suatu petak berasingan daripada kawasan rawatan pesakit dalam, kawasan awam, tangga atau kawasan keluar lif.”.

Penggantian undang-undang kecil 140

93. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 140 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Akses perkakas bomba

140. (1) Akses perkakas bomba hendaklah disediakan dalam tapak suatu bangunan bagi membolehkan suatu perkakas bomba untuk mendapat akses ke bangunan itu.

(2) Suatu ruang buka akses hendaklah juga disediakan sepanjang dinding luar bangunan yang berhadapan dengan akses perkakas bomba itu bagi menyediakan akses ke dalam bangunan tersebut bagi pengendalian menentang kebakaran dan menyelamatkan.

(3) Kehendak-kehendak bagi akses perkakas bomba hendaklah seperti yang berikut:

- (a) akses perkakas bomba hendaklah mempunyai lebar minimum 6 meter melalui keseluruhan panjangnya dan hendaklah boleh menempatkan kemasukan dan pergerakan suatu perkakas bomba, perkakas tangga pam lanjutan, pelantar cakera putar dan hidraulik;
- (b) akses perkakas bomba hendaklah dilapisi, diturap dan disusun atur dengan kepingan bertebuk yang diperkuat bagi menahan bebanan muatan suatu pegun 30 ton perkakas bomba;
- (c) akses perkakas bomba hendaklah ditempatkan supaya sisi terdekat hendaklah tidak kurang daripada 2 meter dan lebih daripada 10 meter dari bahagian tengah ruang buka akses, diukur secara mendatar;
- (d) akses perkakas bomba hendaklah disusun atur di atas suatu paras pelantar atau jika di atas suatu kecondongan, kecerunan hendaklah tidak melebihi 1:15, dan suatu jalan akses hendaklah disusun atur di atas suatu kecondongan tidak melebihi kecerunan 1:9;
- (e) jalan mati bagi suatu jalan akses perkakas bomba hendaklah tidak melebihi 46 meter dalam panjang atau jika jalan mati tersebut melebihi 46 meter, disediakan dengan kemudahan pusingan;
- (f) radius luar bagi suatu pusingan jalan akses perkakas bomba hendaklah mematuhi kehendak-kehendak Jabatan Bomba dan Penyelamat;
- (g) kelegaatan atas bagi jalan akses perkakas bomba hendaklah sekurang-kurangnya 4.5 meter bagi laluan suatu perkakas bomba;
- (h) suatu jalan awam boleh digunakan sebagai akses perkakas bomba jika lokasi suatu jalan awam itu hendaklah mematuhi kehendak-kehendak suatu jarak dari ruang buka akses sebagaimana Jabatan Bomba dan Penyelamat boleh tetapkan; dan
- (i) jalan akses perkakas bomba hendaklah dikawal bebas daripada halangan, dan mana-mana bahagian lain bagi suatu bangunan, tumbuh-tumbuhan, pokok atau apa-apa lekapan lain tidak menghalang laluan antara jalan akses dengan ruang buka akses.

(4) Semua penjuru akses perkakas bomba hendaklah ditanda seperti yang berikut:

- (a) penandaan suatu penjuru hendaklah dalam warna kontras permukaan dan kemasan bawah;

- (b) akses perkakas bomba yang disediakan di suatu kawasan berumput hendaklah ditandakan dengan suatu objek kontras (sebaik-baiknya memantul) yang hendaklah dilihat pada waktu malam dan penandaan hendaklah pada suatu jarak tidak lebih daripada 3 meter jauhnya dan disediakan pada kedua-dua belah sisi akses perkakas bomba; dan
- (c) suatu tiang tanda yang mempamerkan perkataan “**Akses Perkakas Bomba – Kosongkan**” hendaklah disediakan di pintu masuk bagi akses perkakas bomba dan saiz perkataan hendaklah tidak kurang daripada 50 milimeter.

(5) Bagi kadar bangunan yang melebihi 7000 meter padu, akses perkakas bomba yang berhadapan dengan bangunan hendaklah disediakan mengikut skala yang berikut:

Isipadu bangunan dalam meter padu (m ³)	Kadar minimum suatu perimeter bangunan
7001 hingga 28000	satu perenam
28001 hingga 56000	satu perempat
56001 hingga 84000	setengah
84001 hingga 112000	tiga suku
112001 dan ke atas	tapak pulau

”.

Pindaan undang-undang kecil 142

94. Undang-undang kecil 142 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (3)—

(i) dengan menggantikan perkataan “1 meter” perkataan “2 meter”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “15” perkataan “18”; dan

(b) dalam subperenggan (3)(a), dengan memotong perkataan “atau sesuatu lapisan dalam yang mematuhi Undang-Undang Kecil ini”.

Pindaan undang-undang kecil 143

95. Undang-undang kecil 143 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “carrying, and external wall” perkataan “carrying an external wall”.

Penggantian undang-undang kecil 144

96. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 144 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Salutan pada dinding luar

144. (1) Mana-mana salutan pada mana-mana dinding luar yang terletak kurang daripada 2 meter dari mana-mana titik di atas sempadan berkenaan atau jika bangunan itu melebihi 18 meter tingginya, salutan tersebut hendaklah dibina keseluruhannya daripada bahan tak boleh terbakar dan apabila diuji, hendaklah menunjukkan pematuhan mengikut PB 8414.

(2) Mana-mana salutan pada mana-mana dinding luar, jika suatu salutan itu terletak melebihi daripada 2 meter dari mana-mana titik di atas sempadan berkenaan dan bangunan itu kurang daripada 18 meter tingginya, salutan tersebut hendaklah mempunyai suatu permukaan yang mematuhi dengan kehendak-kehendak Kelas O apabila diuji dan mengikut undang-undang kecil 204.”.

Pindaan undang-undang kecil 149

97. Undang-undang kecil 149 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dalam teks bahasa Inggeris, dengan memasukkan selepas perkataan “external” perkataan “walls”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan “90” perkataan “900”.

Pindaan undang-undang kecil 150

98. Undang-undang kecil 150 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (5)(b), dengan menggantikan perkataan “undang-undang kecil 162” perkataan “undang-undang kecil 163”; dan

(b) dalam perenggan (5)(c), dengan menggantikan perkataan “undang-undang kecil 162” perkataan “undang-undang kecil 152”.

Pindaan undang-undang kecil 152

99. Undang-undang kecil 152 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (1), dengan menggantikan perkataan “pihak berkuasa tempatan” perkataan “Jabatan Bomba dan Penyelamat”.

Pindaan undang-undang kecil 153

100. Undang-undang kecil 153 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (1), dengan memasukkan selepas perkataan “asap” perkataan “kecuali ruang lif dalam suatu struktur terbuka”.

Pemotongan undang-undang kecil 154

101. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 154.

Pemotongan undang-undang kecil 155

102. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 155.

Pindaan undang-undang kecil 158

103. Undang-undang kecil 158 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “0.92” perkataan “0.90”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “225” perkataan “220”; dan

(b) dalam perenggan (3)—

(i) dengan menggantikan perkataan “0.61” perkataan “0.60”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “1.858” perkataan “2.0”.

Pindaan undang-undang kecil 162

104. Undang-undang kecil 162 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “petak” di mana-mana jua terdapat termasuk nota bahu perkataan “pangsa”; dan

(b) dengan memotong perenggan (5).

Pindaan undang-undang kecil 165

105. Undang-undang kecil 165 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “hal” di mana-mana jua terdapat perkataan “mana-mana”; dan

(b) dengan menggantikan perenggan (3) perenggan yang berikut:

“(3) Dalam mana-mana bilik persendirian yang tertakluk kepada pendudukan tidak lebih daripada enam orang, jarak perjalanan hendaklah diukur dari pintu suatu bilik persendirian:

Dengan syarat bahawa jarak perjalanan dari titik yang terpencil sekali dalam bilik itu ke pintu bilik tersebut tidak melebihi 9 meter atau mana-mana keluasan yang lain yang ditentukan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.”.

Pemotongan undang-undang kecil 167

106. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 167.

Pindaan undang-undang kecil 168

107. Undang-undang kecil 168 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (3), dengan menggantikan perkataan “75” perkataan “80”.

Pindaan undang-undang kecil 172

108. Undang-undang kecil 172 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (3) perenggan yang berikut:

“(3) Reka bentuk dan pemasangan bagi tiap-tiap tanda tempat keluar kecemasan hendaklah mematuhi PM 2687 dan PM 619.”; dan

(b) dengan memotong perenggan (5).

Penggantian undang-undang kecil 174

109. Undang-undang kecil 174 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (1) dan (2) perenggan yang berikut:

“(1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang kecil 194, tiap-tiap petak hendaklah disediakan dengan sekurang-kurangnya dua pintu keluar tingkat ditempatkan sejauh yang praktik antara satu sama lain dan hendaklah tidak kurang daripada 5 meter jauhnya diukur antara sisi ruang buka yang terdekat sekali dan dalam suatu kedudukan tersebut yang jarak perjalanan hendaklah tidak melebihi jarak perjalanan yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh Undang-Undang Kecil ini.

(2) Lebar bagi pintu keluar tingkat hendaklah mengikut peruntukan dalam Jadual Ketujuh Undang-Undang Kecil ini.”;

(b) dalam perenggan (3), dengan menggantikan perkataan “keluar” perkataan “melepaskan diri”; dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (3) perenggan yang berikut:

“(4) Jika suatu teras pusat mempunyai lebih daripada satu pintu keluar, pintu keluar tingkat hendaklah jauh daripada satu sama lain dan tiada dua pintu keluar yang hendaklah dilalui dari dewan lif yang sama, ruang umum atau koridor yang tidak berbahagi.”.

Undang-undang kecil baru 174A

110. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 174 undang-undang kecil yang berikut:

“Tempat keluar terakhir

174A. (1) Setiap tempat keluar hendaklah memberi akses kepada—

- (a) suatu tempat keluar terakhir;
- (b) suatu koridor terlindung yang menuju ke suatu tempat keluar terakhir, yang koridor terlindung hendaklah tidak melebihi suatu jarak perjalanan dan jalan mati bagi koridor tersebut mengikut Jadual Ketujuh;
- (c) suatu tangga keluar menuju ke suatu tempat keluar terakhir;
- (d) suatu jalan luar yang menuju ke suatu tempat keluar terakhir yang boleh mengandungi suatu koridor luar sisi terbuka tanpa aktiviti komersial dan hendaklah tidak melebihi 5 meter daripada garisan cucur atap bangunan; atau
- (e) suatu koridor yang terbuka ke langit yang mempunyai lebar minimum 1.2 meter dan laluan melepaskan diri dua hala menuju ke suatu tempat selamat di luar bangunan dan apa-apa ruang buka yang tidak terlindung di sepanjang koridor hendaklah tidak ditempatkan di bawah daripada 1.8 meter daripada paras lantai.

(2) Dalam bangunan terlindung dengan suatu semburan, maksimum 50 peratus daripada jumlah nombor tangga keluar boleh dilepaskan terus ke paras tanah bertutup ruang edaran jika semua perkara yang berikut dipatuhi:

- (a) jalan keluar bagi tangga keluar ke paras tanah ruang edaran hendaklah dalam pandangan dari dan dengan akses terus ke suatu tempat yang selamat di luar bangunan;
- (b) jarak maksimum antara jalan keluar bagi tangga keluar ke suatu tempat selamat di luar bangunan hendaklah tidak melebihi 10 meter;

(c) sekiranya terdapat aktiviti komersial seperti kedai, warung atau troli yang terletak sepanjang satu sisi atau dua sisi laluan melepaskan diri yang ditetapkan menuju ke tempat selamat di luar bangunan, jarak pemisahan minimum 10 meter hendaklah dikekalkan antara aktiviti komersial dan laluan melepaskan diri yang ditetapkan tersebut, ruang edaran hendaklah juga dipasang dengan suatu sistem kawalan asap tereka bentuk dan sebagai alternatif, aktiviti komersial hendaklah dipetakan kebakaran dengan dinding dan pintu minimum 1 jam tempoh ketahanan api; dan

(d) lebar kelegaan suatu pintu keluar menuju ke tempat selamat di luar bangunan hendaklah mencukupi untuk menerima beban pendudukan bagi lantai jalan keluar dan jumlah orang yang keluar daripada tangga keluar dalaman.

(3) Maka hendaklah tidak ada ruang buka yang tidak terlindung bagi suatu kawasan pendudukan atau bahan mudah terbakar atau pembinaan dalam 3 meter dari suatu jalan keluar bagi tangga keluar (dalam dan luar) dan jarak itu boleh dikurangkan kepada 1.5 meter jika ruang buka yang tidak terlindung adalah sepanjang satah yang sama bagi tangga keluar.”.

Pindaan undang-undang kecil 177

111. Undang-undang kecil 177 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (f), dengan memasukkan selepas perkataan “itu” perkataan “yang menuju ke tempat keluar terakhir”.

Pindaan undang-undang kecil 181

112. Undang-undang kecil 181 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “552” perkataan “550”.

Pindaan undang-undang kecil 189

113. Undang-undang kecil 189 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (1), dengan menggantikan perkataan “1,200 milimeter” perkataan “12 meter”; dan

(b) dengan menggantikan perenggan (2) perenggan yang berikut:

“(2) Dalam suatu bangunan daripada Kumpulan Maksud IV (Pejabat), suatu reka bentuk koridor terbuka boleh mempunyai suatu tangga tak berkepong jika disediakan dengan suatu pelantar lanjutan yang hendaklah tidak kurang daripada dua kali lebar tangga dan suatu dinding yang mengasingkan tangga itu daripada pendudukan hendaklah dibalikkan semula pada suatu jarak yang tidak kurang daripada 1 meter sepanjang buka depan pendudukan berhampiran.”.

Penggantian undang-undang kecil 190

114. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 190 undang-undang kecil yang berikut:

“Tangga keluar luaran

190. (1) Suatu tangga keluar boleh melayakkannya sebagai suatu tangga keluar luaran jika tiada bahagiannya diceruk lebih daripada 3 meter daripada muka bangunan itu dan mempunyai—

- (a) suatu minimum dua sisi bersempadan berhampiran dengan suatu tempat selamat di luar bangunan; atau
- (b) satu daripada sisi yang terpanjang bersempadan dengan suatu tempat yang selamat di luar bangunan.

(2) Suatu tangga keluar luaran boleh digunakan sebagai ganti suatu tempat keluar yang dikehendaki bagi suatu tangga keluar dalaman jika—

- (a) ia mematuhi kehendak-kehendak bagi suatu tangga keluar; dan
- (b) tidak terdapat ruang buka yang tidak terlindung, dan bahan mudah terbakar atau pembinaan dalam 2 meter mendatar atau dalam 9 meter tegak di bawah, bersempadanan atau menghadapnya;

dengan pengecualian kepada suatu bangunan yang direka bentuk dengan akses koridor luar, akses kepada tangga keluar luaran boleh dengan cara suatu koridor luar yang terbuka sisinya bersampingan dengan kawasan pendudukan, tertakluk kepada yang berikut:

- (i) koridor luar hendaklah dilengkapi dengan sekurang-kurangnya dua tangga keluar; dan
- (ii) suatu ruang buka pengudaraan yang tak terhalang hendaklah disediakan sepanjang bahagian sisi yang panjang koridor luar di atas parapet atau pelepar; dan
- (c) lepaan terakhirnya hendaklah menuju secara terus ke suatu tempat yang selamat di luar bangunan.

(3) Mana-mana ruang buka pengudaraan bagi suatu bilik air atau mana-mana kawasan terlindung lain adalah dikecualikan daripada sekatan ini.

(4) Jika suatu tingkap atau mana-mana ruang buka bergilap lain adalah dikehendaki dalam dimensi ini, yang hendaklah dipasang dengan suatu cermin berdawai dan disimpan secara kekal dalam suatu keadaan tertutup.

(5) Suatu pintu api kepada tangga keluar luaran hendaklah disediakan.”.

Pemotongan undang-undang kecil 191

115. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 191.

Penggantian undang-undang kecil 194

116. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 194 undang-undang kecil yang berikut:

“Bangunan yang mempunyai tangga tunggal

194. Suatu tangga tunggal boleh dibenarkan dalam premis yang berikut:

- (a) jika mana-mana kediaman pada 12 meter tinggi diukur dari paras akses perkakas bomba ke lantai yang diduduki yang paling tinggi dan paling rendah; atau
- (b) jika mana-mana bangunan tidak lebih dua tingkat dan lantai pertamanya tidak lebih 6 meter dari tingkat bawah.”.

Pindaan undang-undang kecil 196

117. Undang-undang kecil 196 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (4) dan (5), dengan memotong perkataan “dan ruang akses menentang kebakaran”.

Pindaan undang-undang kecil 197

118. Undang-undang kecil 197 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (2)—

- (a) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “exceeding” perkataan “where the topmost occupied floor exceeds”;
- (b) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memasukkan selepas perkataan “yang” perkataan “di mana tingkat tertinggi yang boleh diduduki”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “seksyen 7 Piawaian Australia 1668, Bahagian 1 – 1974” perkataan “PM 1472”.

Undang-undang kecil baru 197A dan 197B

119. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 197 undang-undang kecil yang berikut:

“Peruntukan lubang menentang kebakaran

197A. (1) Suatu bangunan dengan tingkat tertinggi yang boleh diduduki melebihi 18 meter di atas paras akses perkakas bomba hendaklah mempunyai satu atau lebih lubang menentang kebakaran.

(2) Suatu bangunan dengan suatu tingkat bawah tanah lebih daripada 9 meter di bawah paras akses perkakas bomba hendaklah disediakan dengan satu atau lebih lubang menentang kebakaran.

(3) Suatu ruang akses menentang kebakaran hendaklah boleh terus diakses daripada suatu tangga menentang kebakaran, suatu lif bomba dan mengandungi pancur kering atau pancur basah yang hendaklah disediakan pada tiap-tiap paras lantai, dan hendaklah dalam liputan 45 meter dari suatu pintu ruang akses menentang kebakaran.

(4) Suatu ruang akses menentang kebakaran boleh diabaikan jika tangga menentang kebakaran itu diisitekan untuk memenuhi kehendak-kehendak undang-undang kecil 200 dan semua pemasangan menentang kebakaran dalam kepungan tangga yang diisitekan itu tidak memasuki ke dalam ruang lega hendaklah dikehendaki sebagai jalan melepaskan diri.

(5) Suatu tangga menentang kebakaran hendaklah disediakan untuk memberi akses terus kepada tiap-tiap ruang akses menentang kebakaran dan hendaklah boleh dilalui terus dari luar bangunan itu pada paras akses perkakas bomba dan tangga ini boleh menjadi salah satu daripada tangga-tangga yang dikehendaki sebagai jalan melepaskan diri daripada bangunan itu.

(6) Suatu lif bomba, tertakluk kepada perenggan (7) undang-undang kecil ini, hendaklah disediakan bagi memberi akses kepada setiap ruang akses menentang kebakaran atau jika ruang itu tiada, tertakluk kepada perenggan (3) undang-undang kecil ini, dihubungkan dengan koridor terlindung kepada tangga menentang kebakaran di setiap paras lantai.

(7) Suatu lif bomba hendaklah disediakan pada kadar satu lif dalam setiap kumpulan lif dengan pelepasan ke dalam ruang akses menentang kebakaran dengan syarat bahawa lif bomba terletak tidak lebih daripada 60 meter jarak perjalanan dari pintu lif bomba ke titik lantai yang paling jauh dan dalam suatu pelan terbuka, jarak langsung hendaklah dua pertiga daripada jarak perjalanan.

(8) Semua lif dari tingkat atas tidak boleh dilanjutkan ke lantai tingkat bawah tanah melainkan lantai tingkat bawah tanah tersebut mengandungi beban api rendah sahaja atau digunakan khusus sebagai tempat letak kereta dan dalam mana-mana situasi yang dibenarkan, lobi terlindung hendaklah disediakan yang hendaklah diletakkan antara ruang bukaan lif dan kawasan yang menggunakannya.

Ruang akses menentang kebakaran

197B. Suatu ruang akses menentang kebakaran hendaklah mematuhi kehendak-kehendak yang berikut:

- (a) setiap ruang hendaklah mempunyai suatu keluasan lantai yang tidak kurang daripada 6.0 meter persegi; dan

- (b) keluasan suatu tingkap yang boleh dibuka atau keluasan pengudaraan kekal hendaklah tidak kurang daripada 25 peratus daripada keluasan lantai bagi ruang itu, dan jika pengudaraan boleh dengan cara suatu tingkap boleh buka, pengudaraan kekal tambahan yang mempunyai suatu ruang buka bebas 500 sentimeter persegi hendaklah disediakan kecuali apabila suatu pengisitekanan mekanikal disediakan sebagai suatu alternatif.”.

Pindaan undang-undang kecil 198

120. Undang-undang kecil 198 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong perenggan (3).

Pindaan undang-undang kecil 200

121. Undang-undang kecil 200 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (b) perenggan yang berikut:

- “(b) suatu pengisitekanan kepungan tangga itu secara mekanikal yang direka bentuk dan dipasang mengikut PM 1472.”.

Penggantian undang-undang kecil 202

122. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 202 undang-undang kecil yang berikut:

“Sistem isitekanan bagi tangga

202. Semua tangga yang digunakan bagi suatu bangunan yang tingginya lebih daripada 45 meter jika tidak terdapat pengudaraan yang mencukupi sebagaimana dikehendaki, ia hendaklah dilengkapi dengan suatu sistem pengisitekanan tangga yang direka bentuk dan dipasang mengikut MS 1472.”.

Pindaan undang-undang kecil 204

123. Undang-undang kecil 204 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula perenggan (A), (B) dan (C) yang sedia ada masing-masing sebagai perenggan (a), (b) dan (c);
- (b) dengan menomborkan semula perenggan (a) dan (b) yang sedia ada masing-masing sebagai subperenggan (i) dan (ii) dalam perenggan (a) yang dinomborkan semula;
- (c) dengan memotong proviso kepada perenggan (a) yang dinomborkan semula;

(d) dengan menggantikan subperenggan (a)(ii) yang dinomborkan semula subperenggan yang berikut:

“(ii) bahan permukaan itu, atau jika permukaan itu diikat seluruhnya pada suatu substrat, bahan permukaan itu bersama substrat tersebut, apabila diuji mengikut PB 476: Bahagian 6 dan Bahagian 7, hendaklah mempunyai indeks pelaksanaan yang tidak melebihi 6.”; dan

(e) dengan menggantikan subperenggan (b) yang dinomborkan semula subperenggan yang berikut:

“(b) Apa-apa sebutan mengenai sesuatu permukaan daripada kelas yang lain daripada Kelas O hendaklah ditafsirkan sebagai suatu kehendak supaya bahan yang daripadanya dinding atau siling itu dibina hendaklah mematuhi kriteria ujian relevan mengenai kemerebakan api permukaan yang dinyatakan berhubung dengan kelas itu dalam PB 476: Bahagian 1: Fasal 7.”.

Pindaan undang-undang kecil 206

124. Undang-undang kecil 206 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam proviso (b) perenggan (1), dengan memotong perkataan “atau boleh mengandungi bahan plastik setakat yang dibenarkan oleh perenggan (1) undang-undang kecil 207”.

Pemotongan undang-undang kecil 207

125. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 207.

Pindaan undang-undang kecil 210

126. Undang-undang kecil 210 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dengan memotong perkataan “atap atau” di mana-mana jua terdapat;

(b) dalam perenggan (1)—

(i) dalam subperenggan (a), dengan menggantikan perkataan “1416.43” perkataan “1,420”; dan

(ii) dalam subperenggan (b), dengan menggantikan perkataan “VIII” dalam teks bahasa kebangsaan perkataan “VII”;

(c) dalam perenggan (2), dengan menggantikan perkataan “2.29” perkataan “2.30”; dan

(d) dalam perenggan (3)—

(i) dengan menggantikan perkataan “2.29” perkataan “2.30”;

- (ii) dengan menggantikan perkataan “4.58” perkataan “4.60”; dan
- (iii) dalam subperenggan (b), dengan menggantikan perkataan “1.53” perkataan “1.50”.

Penggantian undang-undang kecil 211

127. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 211 undang-undang kecil yang berikut:

“Bahan bumbung

211. (1) Suatu permukaan atau bahan bagi penutup bumbung atau pembinaan bumbung hendaklah mempunyai kadar kemerebakan api permukaan tidak kurang daripada Kelas 1, kecuali dalam keadaan Kumpulan Maksud I atau III sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual Kelima Undang-Undang Kecil ini, dan di dalam suatu bangunan yang dilindungi keseluruhannya dengan suatu sistem semburan automatik.

(2) Ketua Pengarah boleh membenarkan penggunaan bahan mudah terbakar untuk pembinaan bumbung bagi bangunan Kumpulan Maksud II, IV, V atau VI sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual Kelima Undang-Undang Kecil ini, yang memenuhi kehendak-kehendak yang berikut:

- (a) bangunan itu hendaklah tidak melebihi empat tingkat;
- (b) ruang bumbung di antara bumbung dan siling hendaklah mempunyai suatu pengadang rongga di mana-mana yang dikehendaki, yang mematuhi peruntukan yang berkenaan, dan suatu ruang buka dalam pengadang rongga hendaklah menjadi pengadang api; dan
- (c) jika sebelah bawah bumbung digunakan sebagai suatu siling bagi suatu bilik atau suatu ruang, elemen sebelah bawah bumbung atau bumbung itu hendaklah mematuhi peruntukan berkenaan dengan undang-undang kecil 204.

(3) Pada pertemuan suatu dinding pengasing atau dinding pangsa, pembinaan bumbung hendaklah mematuhi kehendak-kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.”.

Undang-undang kecil baru 211A

128. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 211 undang-undang kecil yang berikut:

“Bahan untuk pembinaan

211A. (1) Bahan yang digunakan dalam pembinaan elemen suatu bangunan hendaklah mematuhi kehendak-kehendak yang dinyatakan di bawah Bahagian ini sebagai tambahan kepada kehendak-kehendak prestasi seperti bagi ketahanan api atau had kemerebakan api.

(2) Cat *intumescent* boleh digunakan untuk melindungi bahagian keluli berstruktur yang ada pada semua bangunan dengan syarat bahawa—

- (a) cat itu menjadi suatu sistem proprietari yang telah diuji untuk mencapai prestasi ketahanan api seperti yang dikehendaki dalam PB 476; dan
- (b) suatu salutan cat *intumescent* ke atas keluli berstruktur, dan penyelenggaraan salutan yang seterusnya mematuhi PB 8202.

(3) Dalam suatu bangunan yang dilindungi oleh suatu sistem semburan automatik, suatu kaca berkadar api boleh digunakan untuk pembinaan suatu dinding pangsa, lantai petak, kepungan ruang penahan asap, ruang menentang kebakaran atau lubang terlindung tanpa suatu tangga keluar atau lif bomba, tertakluk kepada yang berikut:

- (a) dinding dan pintu hendaklah mempunyai ketahanan api yang perlu, termasuk penebatan, apabila tertakluk kepada ujian di bawah PB 476 bagi dinding dan PM 1073 bagi pintu; dan
- (b) dinding dan pintu hendaklah mematuhi kehendak-kehendak Kelas A bagi prestasi hentaman apabila tertakluk kepada ujian di bawah PB 6206 atau PA 2208.

(4) Dinding, siling, penutup bumbung atau kemasan tidak boleh mengandungi apa-apa bahan plastik.

(5) Bagi maksud undang-undang kecil ini, “PA” ertinya edisi Piawaian Australia yang terakhir diterbitkan.”.

Pindaan undang-undang kecil 221

129. Undang-undang kecil 221 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1), dengan memotong perkataan “: Bahagian 1.”;
- (b) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perenggan (2) perenggan yang berikut:

“(2) A compartment floor shall have the fire resistance for not less than a minimum period as required under this Part for an element of structure forming part of a compartment immediately below such a floor if the underside of such a floor is exposed to the test by fire.”; dan

- (c) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memasukkan selepas perenggan (1) perenggan yang berikut:

“(2) Suatu lantai petak hendaklah mempunyai suatu ketahanan api selama tidak kurang daripada suatu tempoh minimum sebagaimana di bawah Bahagian ini bagi suatu elemen struktur yang menjadi

sebahagian daripada suatu petak yang sebaik sahaja di bawah suatu lantai tersebut jika sebelah bawah suatu lantai itu terdedah pada ujian mengikut api.”.

Pindaan undang-undang kecil 222

130. Undang-undang kecil 222 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dalam proviso perenggan (4), dengan memotong perkataan “: Bahagian 1”; dan
- (b) dalam perenggan (3) dan (4), dengan menggantikan perkataan “0.92” perkataan “0.90”.

Undang-undang kecil baru 224A

131. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang undang kecil 224 undang-undang kecil yang berikut:

“Hospital

224A. Tiap-tiap hospital hendaklah mematuhi kehendak-kehendak tambahan yang berikut:

(1) Suatu kawasan penginapan pesakit yang mengandungi sebuah katil hendaklah tidak diletakkan di tingkat bawah tanah.

(2) Lebar kelegaan minimum suatu ruang buka pintu keluar hendaklah tidak kurang daripada 1.2 meter.

(3) Tiap-tiap tingkat atas yang digunakan bagi penginapan pesakit hendaklah disediakan dengan sekurang-kurangnya dua kawasan perlindungan dan saiz bagi kawasan perlindungan hendaklah mempunyai saiz yang mencukupi untuk memuatkan bilangan katil bagi sekurang-kurangnya 50 peratus jumlah katil pesakit daripada lantai yang berkenaan—

(a) bagi suatu kawasan perlindungan yang bukan berhampiran dengan wad pesakit, jalan menuju ke kawasan perlindungan hendaklah melalui—

(i) suatu koridor luar; atau

(ii) suatu ruang terlindung diasingkan daripada kawasan bersampingan bangunan tersebut oleh suatu dinding dan pintu yang sekurang-kurangnya 1 jam tempoh ketahanan api dan ruang terlindung hendaklah mempunyai saiz minimum 4 meter (panjang) dengan 2 meter (lebar) dan digantikan udaranya;

-
-
- (b) bagi suatu kawasan perlindungan berhampiran secara langsung dengan suatu wad pesakit, jalan menuju ke kawasan perlindungan tidak perlu melalui suatu koridor luar dengan syarat kedua-dua kawasan perlindungan dan wad pesakit yang berhampiran adalah—
- (i) dipetakan kebakaran daripada satu sama lain oleh suatu dinding dan pintu yang sekurang-kurangnya 1 jam tempoh ketahanan api;
 - (ii) disediakan dengan suatu kawalan asap yang tereka bentuk dan reka bentuk ketinggian lapisan asap hendaklah sekurang-kurangnya 2.5 meter atas lantai kemas; dan
 - (iii) disediakan dengan minimum dua akses tempat keluar yang terletak secara berjauhan antara satu sama lain.
- (4) Peruntukan lif katil bagi pelepasan kebakaran hendaklah seperti yang berikut:
- (a) sekurang-kurangnya dua lif katil bagi pelepasan kebakaran hendaklah disediakan bagi premis yang melebihi daripada satu tingkat;
 - (b) lif katil bagi pelepasan kebakaran hendaklah terletak jauh antara satu sama lain dan diletakkan berhampiran dengan tangga terlindung;
 - (c) setiap kawasan perlindungan hendaklah juga dilengkapi dengan sekurang-kurangnya satu lif katil bagi pelepasan kebakaran;
 - (d) lif bomba boleh dijadikan sebagai lif katil bagi pelepasan kebakaran dengan syarat bahawa terdapat lebih daripada satu lif bomba dan sekurang-kurangnya satu hendaklah dikekalkan sebagai lif bomba yang khusus, dan apabila lif bomba yang dijadikan sebagai lif katil bagi pelepasan kebakaran, dimensinya hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan 224A(4)(c);
 - (e) lif katil bagi pelepasan kebakaran hendaklah terletak dalam suatu lubang menentang kebakaran;
 - (f) kemasukan ke dalam lif katil bagi pelepasan kebakaran dan tangga keluar hendaklah melalui suatu ruang terlindung bersama dan lif katil bagi pelepasan kebakaran hendaklah mempunyai pelantar minimum bersih bersaiz 2.7 meter (dalam) dengan 1.8 meter (lebar);
 - (g) tanda hendaklah dipamerkan di luar lif katil bagi pelepasan kebakaran yang menyatakan “**LIF KATIL BAGI PELEPASAN KEBAKARAN**”;

-
-
- (h) jalan melepaskan diri untuk lif katil bagi pelepasan kebakaran di lantai tertentu hendaklah dilindungi daripada kawasan pendudukan yang lain dengan 1 jam pengasingan ketahanan api dan hendaklah dilepaskan secara terus ke dalam suatu kawasan yang selamat;
- (i) suatu lif katil bagi pelepasan kebakaran yang terbuka secara terus ke dalam suatu koridor luar dan yang diletakkan berhampiran dengan suatu tangga terlindung yang tidak memerlukan suatu ruang terlindung, dengan syarat bahawa tidak terdapat ruang buka yang tidak terlindung dalam 3 meter secara mendatar daripada ruang buka pintu lif katil bagi pelepasan kebakaran, dan lif katil bagi pelepasan kebakaran yang disediakan dalam situasi ini boleh dianggap sebagai suatu lif katil bersama yang boleh digunakan sebagai petak pelbagai yang ditempatkan di lantai yang sama; dan
- (j) suatu lif katil bagi pelepasan kebakaran hendaklah disediakan dengan ciri-ciri yang berikut:
- (i) suatu bekalan elektrik sekunder daripada suatu loji penjanaan kecemasan; dan
 - (ii) suatu suis yang dilabelkan sebagai “**Lif Katil bagi Pelepasan Kebakaran**”, yang diletakkan bersebelahan dengan pintu pelantar lif pada tingkat keluar terakhir;
- (5) Suatu wad bagi penginapan pesakit dengan akses melalui suatu koridor dalam hendaklah mematuhi kehendak-kehendak yang berikut:
- (a) setiap wad hendaklah diasingkan daripada koridor dalam oleh suatu dinding yang mempunyai sekurang-kurangnya 1 jam tempoh ketahanan api;
 - (b) ruang buka suatu pintu ke dalam suatu koridor dalam hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya setengah jam tempoh ketahanan api dan dipasang dengan suatu alat menutup sendiri automatik;
 - (c) suatu koridor dalam hendaklah diganti udara secara semulajadi dengan suatu ruang buka tetap dalam suatu dinding luar, suatu ruang buka pengudaraan itu hendaklah tidak kurang daripada 15 peratus kawasan lantai bagi koridor dalam;
 - (d) ruang buka pengudaraan dalam dinding luar hendaklah tidak kurang daripada 3.5 meter persegi, dengan sekurang-kurangnya 1.75 meter persegi di setiap sisi dan hendaklah tidak terhalang oleh suatu dinding parapet atau paras pelepas ke atas dan ditempatkan di sisi yang berlainan bagi koridor dalam tersebut supaya ia menyediakan pengudaraan bersilang secara efektif sepanjang ruang keseluruhan koridor itu;

- (e) ruang buka pengudaraan dalam dinding luar hendaklah tidak lebih daripada 12 meter daripada mana-mana bahagian koridor dalam;
 - (f) suatu koridor dalam boleh disediakan dengan pengudaraan secara mekanikal dan isitekanan sebagai ganti pengudaraan semulajadi; dan
 - (g) kawasan atau ruang bagi penginapan bukan pesakit lain yang terbuka ke dalam atau menjadi sebahagian koridor dalam atau yang boleh membahayakan dengan cara peruntukan melepaskan diri, hendaklah dipetakkan oleh satu jam kepungan tahan api dan setengah jam pintu api.
- (6) Akses luar kepada suatu wad penginapan pesakit hendaklah melalui suatu koridor luar.
- (7) Bagi suatu ruang asap ke suatu tangga melepaskan diri:
- (a) suatu kemasukan ke dalam tangga melepaskan diri dari mana-mana bahagian suatu bangunan yang melebihi daripada empat tingkat atas paras tanah hendaklah mematuhi dengan kehendak-kehendak ruang asap di bawah undang-undang kecil 196; dan
 - (b) jika ruang asap disediakan kepada tangga melepaskan diri untuk kegunaan suatu lantai penginapan pesakit, atau mana-mana kawasan yang seorang pesakit perlu dipindahkan menggunakan sebuah katil atau usungan, ruang asap itu hendaklah mempunyai ruang lega yang minimum 6 meter persegi yang tidak terhalang oleh suatu pintu hayun.
- (8) Bagi lebar atau dalam pelantar tangga:
- (a) suatu tangga melepaskan diri yang kegunaannya sebagai lantai penginapan pesakit digunakan oleh seorang pesakit dalam suatu situasi kecemasan kebakaran hendaklah direka bentuk untuk membolehkan pemindahan pesakit di atas sebuah katil atau usungan; dan
 - (b) lebar suatu tangga, dan lebar dan dalam pelantar tangga hendaklah mematuhi Jadual Kesebelas.
- (9) Bagi suatu klinik pesakit luar tanpa suatu wad yang tidak termasuk di bawah kategori di atas, kehendak-kehendak keselamatan kebakaran di bawah undang-undang kecil 224A adalah tidak terpakai.”.

Pindaan tajuk Bahagian VIII

132. Bahagian VIII Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan tajuk tajuk yang berikut:

“SISTEM PENGGERA KEBAKARAN DAN SISTEM PEMADAM API”.

Pindaan undang-undang kecil 225

133. Undang-undang kecil 225 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “Pengesanan dan pemadaman api.” perkataan “Sistem penggera kebakaran dan sistem pemadam api.”;

(b) dengan menggantikan perenggan (1) dengan perenggan yang berikut:

“(1) Tiap-tiap bangunan hendaklah disediakan dengan cara pengesanan dalam bentuk suatu sistem penggera kebakaran atau sistem pemadam api sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kesepuluh.”; dan

(c) dengan menggantikan perenggan (2) perenggan yang berikut:

“(2) Tiap-tiap bangunan hendaklah dilengkapi dengan sekurang-kurangnya satu pili bomba ditempatkan tidak kurang daripada 30 meter daripada suatu kemasukan ke mana-mana bangunan atau salur masuk dan direka bentuk dan dipasang mengikut PM 1489, dan dalam sesuatu hal, pili bomba hendaklah ditempatkan tidak lebih daripada 90 meter jauhnya.”.

Undang-undang kecil baru 226A

134. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 226 undang-undang kecil yang berikut:

“Sistem gelung hos

226A. Suatu sistem gelung hos hendaklah disediakan mengikut Jadual Kesepuluh dan PM 1489.”.

Penggantian undang-undang kecil 227

135. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 227 undang-undang kecil yang berikut:

“Pemadam api mudah alih

227. Pemadam api mudah alih hendaklah disediakan di semua bangunan mengikut PM 1539.”.

Penggantian undang-undang kecil 228

136. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 228 undang-undang kecil yang berikut:

“Sistem semburan

228. Suatu sistem semburan hendaklah disediakan mengikut Jadual Kesepuluh dan PM 1910.”.

Undang-undang kecil baru 228A

137. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 228 undang-undang kecil yang berikut:

“Sistem pengawasan kebakaran automatik

228A. Suatu sistem pengawasan kebakaran automatik hendaklah disediakan mengikut Jadual Kesepuluh.”.

Pemotongan undang-undang kecil 229

138. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 229.

Penggantian undang-undang kecil 230

139. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 230 undang-undang kecil yang berikut:

“Sistem pancur kering

230. (1) Suatu sistem pancur kering hendaklah disediakan dalam tiap-tiap bangunan yang tingkat paling atas yang diduduki adalah melebihi daripada 18 meter tetapi kurang daripada 30 meter di atas paras akses perkakas bomba.

(2) Sistem pancur kering itu hendaklah direka bentuk dan dipasang mengikut PM 1489.

(3) Suatu sambungan hos hendaklah disediakan dalam setiap ruang akses menentang kebakaran atau berhampiran suatu tangga menentang kebakaran di tiap-tiap lantai.”.

Penggantian undang-undang kecil 231

140. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 231 undang-undang kecil yang berikut:

“Sistem pancur basah

231. (1) Suatu sistem pancur basah hendaklah disediakan dalam tiap-tiap bangunan yang mana tingkat paling atas yang diduduki adalah melebihi daripada 30 meter di atas paras akses perkakas bomba.

(2) Sistem pancur basah itu hendaklah direka bentuk dan dipasang mengikut PM 1489.

(3) Sambungan hos hendaklah disediakan dalam setiap ruang akses menentang kebakaran atau berhampiran suatu tangga menentang kebakaran di tiap-tiap lantai.

(4) Setiap peringkat pancur basah hendaklah tidak melebihi 150 meter tinggi dan tekanan untuk setiap peringkat hendaklah tidak melebihi 20 bar dan dalam setiap peringkat pancur basah, ketinggian antara injap pelantar paling tinggi dan injap pelantar paling rendah hendaklah tidak lebih daripada 75 meter dan disediakan dengan set pam sendiri.”.

Pindaan undang-undang kecil 232

141. Undang-undang kecil 232 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam nota bahu dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “rising” perkataan “riser”.

Pemotongan undang-undang kecil 233

142. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 233.

Pemotongan undang-undang kecil 234

143. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 234.

Penggantian undang-undang kecil 235

144. Undang-undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 235 undang-undang kecil yang berikut:

“Sistem pemadam tetap

235. Suatu sistem pemasangan tetap hendaklah sama ada suatu sistem banjir seluruh, sistem pemakaian tempatan atau sistem pelindung

unit bergantung kepada jenis suatu proses berbahaya dan pendudukan sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah, dan sistem tersebut hendaklah diluluskan oleh Ketua Pengarah.”.

Penggantian undang-undang kecil 237

145. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 237 undang-undang kecil yang berikut:

“Sistem penggera kebakaran

237. Suatu sistem penggera kebakaran hendaklah disediakan mengikut Jadual Kesepuluh dan PM 1745.”.

Penggantian undang-undang kecil 238

146. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 238 undang-undang kecil yang berikut:

“Pusat pemerintahan kebakaran

238. (1) Suatu pusat pemerintahan kebakaran hendaklah disediakan mengikut Jadual Kesepuluh, ditempatkan di atas paras akses perkakas bomba dan hendaklah mengandungi suatu panel untuk mengawasi suatu sistem siar raya, interkom bomba, sistem semburan, pengesan aliran air, sistem pengesan api dan sistem penggera kebakaran dan dengan suatu sistem pengawasan api automatik yang disambung kepada balai bomba yang berkenaan dengan melalui papan suis atau sistem automatik lain yang berkaitan.

(2) Suatu pusat pemerintahan kebakaran hendaklah diasingkan daripada bahagian lain bangunan yang sama oleh suatu dinding pangsapau atau lantai petak yang mempunyai sekurang-kurangnya dua jam tempoh ketahanan api, sedia diakses, sebaik-baiknya daripada udara yang terbuka secara terus dan jika tidak terpakai, suatu jalan ke pusat pemerintahan kebakaran hendaklah dilindungi.”.

Penggantian undang-undang kecil 239

147. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 239 undang-undang kecil yang berikut:

“Sistem komunikasi suara

239. Maka hendaklah ada dua sistem komunikasi suara berasingan yang diluluskan dan diawasi secara berterusan dengan elektrik termasuklah suatu sistem interkom bomba dan suatu sistem siar raya di kawasan yang berikut:

- (a) interkom bomba hendaklah disediakan di setiap ruang akses menentang kebakaran atau berhampiran dengan suatu tangga menentang kebakaran dan hendaklah juga disediakan dalam sebuah kawasan perlindungan, bilik motor lif, bilik pam bomba, bilik penjanakuasa dan pusat pemerintahan kebakaran mengikut Jadual Kesepuluh; dan
- (b) sistem siar raya hendaklah disediakan mengikut Jadual Kesepuluh.”.

Penggantian undang-undang kecil 240

148. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 240 undang-undang kecil yang berikut:

“Suis pengasingan elektrik

240. (1) Mana-mana bangunan yang mempunyai suatu keluasan lantai melebihi 1,000 meter persegi bagi setiap lantai hendaklah disediakan dengan suatu suis pengasingan elektrik yang mematuhi IEC60947-3 untuk membolehkan pemotongan bekalan suatu kuasa elektrik ke lantai yang berkaitan.

(2) Suis pengasingan elektrik hendaklah ditempatkan dalam suatu ruang akses menentang kebakaran, berhampiran dengan suatu tangga menentang kebakaran atau di pintu keluar.

(3) Bagi maksud undang-undang kecil ini, “IEC” ertinya edisi Piawaian *International Electrotechnical Commission* yang terakhir diterbitkan.”.

Pindaan undang-undang kecil 241

149. Undang-undang kecil 241 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “isyarat penggera petunjuk yang kelihatan hendaklah digabungkan sebagai tambahan kepada sistem penggera biasa” perkataan “kehendak-kehendak khas bagi sistem penggera kebakaran hendaklah dipasang mengikut PM 1745.”.

Pemotongan undang-undang kecil 242

150. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 242.

Penggantian undang-undang kecil 243

151. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 243 undang-undang kecil yang berikut:

“Lif Bomba

243. (1) Dalam suatu bangunan yang tingkat paling atasnya yang diduduki adalah lebih daripada 18 meter di atas atau suatu tingkat bawah tanah lebih daripada 9 meter di bawah paras akses perkakas bomba, suatu lif bomba hendaklah disediakan.

(2) Suatu *penthouse* yang menduduki tidak lebih daripada 50 peratus keluasan lantai yang sebaik sahaja di bawahnya hendaklah dikecualikan daripada ukuran ini bagi penyediaan lif bomba tersebut.

(3) Lif bomba tersebut hendaklah ditempatkan dalam suatu lubang terlindung berasingan jika ia dibuka ke suatu ruang berasingan.

(4) Lif bomba tersebut hendaklah disediakan pada kadar satu lif dalam tiap-tiap kumpulan lif yang mengeluarkan ke dalam ruang akses menentang kebakaran.”.

Undang-undang kecil baru 243A

152. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 243 undang-undang kecil yang berikut:

“Cara gerakan kecemasan jika berlaku kerosakan kuasa sesalur

243A. (1) Apabila berlaku kerosakan pada kuasa sesalur, semua lif hendaklah kembali terus mengikut rentetannya ke lantai tentuan, bermula dengan suatu lif bomba, tanpa menyahut apa-apa panggilan kereta atau panggilan pelantar dan berhenti dengan pintunya terbuka.

(2) Selepas semua lif berhenti, semua lif yang menggunakan kuasa kecemasan hendaklah menyambung semula gerakan biasa dengan syarat bahawa kuasa kecemasan yang mencukupi tersedia bagi pergerakan semua lif, cara gerakan ini tidak terpakai.”.

Undang-undang kecil baru 243B

153. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 243A undang-undang kecil yang berikut:

“Cara gerakan menentang kebakaran

243B. (1) Suatu cara gerakan menentang kebakaran hendaklah dimulakan dengan suatu isyarat daripada panel penggera kebakaran yang diaktifkan secara automatik oleh satu daripada alat-alat penggera di dalam bangunan itu atau secara manual.

(2) Jika kuasa sesalur boleh didapati dalam cara gerakan ini, semua lif hendaklah kembali terus mengikut rentetannya ke lantai tentuan, bermula dengan suatu lif bomba, tanpa menyahut apa-apa panggilan

kereta atau panggilan pelantar, mengatasi butang berhenti kecemasan di dalam kereta itu, tetapi tidak mengatasi mana-mana alat kecemasan atau keselamatan yang lain, dan berhenti dengan pintunya terbuka.

(3) Lif bomba hendaklah kemudiannya tersedia digunakan oleh pasukan bomba bagi gerakan suis ahli bomba.

(4) Di bawah cara gerakan ini, lif bomba hendaklah hanya bergerak bagi menyahut panggilan kereta tetapi tidak kepada panggilan pelantar dalam cara gerakan kecemasan mengikut undang-undang kecil 243A.

(5) Apabila berlaku kerosakan pada kuasa sesalur, semua lif hendaklah kembali terus mengikut rentetannya ke lantai tentuan dan bergerak di bawah kuasa kecemasan sebagaimana yang dinyatakan di bawah perenggan (2) hingga (4).

(6) Suatu sistem interkom bomba hendaklah disediakan dalam suatu kereta lif bagi membolehkan komunikasi antara seorang operator lif di setiap pelantar lif dan suatu pusat pemerintahan kebakaran.”.

Pemotongan undang-undang kecil 244

154. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 244.

Penggantian undang-undang kecil 245

155. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 245 undang-undang kecil yang berikut:

“Kelulusan Ketua Pengarah

245. (1) Apa-apa pembinaan, pembangunan atau pemasangan kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran selain daripada yang mematuhi kehendak-kehendak yang diperuntukkan dalam Bahagian VII dan VIII Undang-Undang Kecil ini hendaklah dikemukakan kepada dan diluluskan oleh Ketua Pengarah sebelum memulakan kerja.

(2) Pelan, lukisan dan kiraan bagi semua pemasangan menentang kebakaran hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan diluluskan sebelum memulakan kerja.”.

Pemotongan undang-undang kecil 246

156. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 246.

Pemotongan undang-undang kecil 247

157. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 247.

Pindaan undang-undang kecil 248

158. Undang-undang kecil 248 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam perenggan (1), dengan menggantikan perkataan “dicat merah” perkataan “dikenal pasti dalam warna merah”.

Penggantian undang-undang kecil 249

159. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 249 undang-undang kecil yang berikut:

“Kawalan asap

249. (1) Suatu sistem kawalan asap, sama ada semulajadi atau mekanikal mengikut PM 1780 hendaklah disediakan apabila—

- (a) kehendak bagi suatu pemetakan berkaitan dengan syarat dalam undang-undang kecil 252A;
- (b) mana-mana petak dalam bangunan atau sebahagian daripada suatu bangunan melebihi 2,000 meter persegi; atau
- (c) mana-mana tingkat bawah tanah jika jumlah keluasan melebihi 1,000 meter persegi, kecuali dalam mana-mana situasi yang berikut:
 - (i) jika tingkat bawah tanah atau sebahagian daripada tingkat bawah tanah digunakan sebagai suatu tempat letak kereta, tempat letak kereta itu hendaklah mematuhi kehendak suatu sistem singkiran asap jika ia adalah dipetakkan daripada baki tingkat bawah tanah;
 - (ii) jika suatu loji atau bilik kelengkapan dengan suatu keluasan lantai yang tidak melebihi 250 meter persegi adalah dipetakkan daripada baki tingkat bawah tanah, dua pintu terletak secara berjauhan antara satu sama lain untuk suatu capaian yang lebih baik dalam akses perkakas bomba hendaklah disediakan dan peruntukan suatu ruang buka pintu tunggal bagi bilik ini boleh dibenarkan dengan syarat bahawa bahagian yang paling jauh bilik itu adalah kurang daripada 8 meter dari pintu itu, dan kelengkapan yang dijumpai di dalam bilik ini tidak menghalang lemparan suatu jet air daripada hos menentang kebakaran;

- (iii) jika suatu loji atau bilik kelengkapan dengan suatu keluasan lantai yang melebihi 250 meter persegi tetapi tidak melebihi 1,000 meter persegi, dan yang suatu liang asap atau sistem singkiran asap yang sekurang-kurangnya 10 perubahan udara setiap jam disediakan; atau
- (iv) jika suatu kawasan perkhidmatan terdiri daripada suatu bilik stor atau bengkel (terhad kepada kakitangan sahaja) yang dipetakkan, dan disediakan dengan suatu sistem liang asap atau sistem singkiran asap dengan sekurang-kurangnya 10 perubahan udara setiap jam sebagai ganti sistem kawalan asap yang teraka bentuk.

(2) Suatu liang asap hendaklah disediakan jika jumlah agregat bagi keluasan lantai bagi semua tingkat bawah tanah melebihi 200 meter persegi tetapi tidak melebihi 1,000 meter persegi, dan sebagai ganti kepada liang asap, suatu sistem singkiran asap atau suatu sistem kawalan asap yang direka bentuk hendaklah disediakan bagi suatu tempat letak kereta atau pendudukan lain masing-masing.”.

Pemotongan undang-undang kecil 250

160. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 249.

Pemotongan undang-undang kecil 251

161. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 251.

Pemotongan undang-undang kecil 252

162. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 252.

Undang-undang kecil baru 252A

163. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memasukkan sebelum undang-undang kecil 253 undang-undang kecil yang berikut:

“Atrium dalam bangunan

252A. Suatu atrium dibenarkan di dalam suatu bangunan dengan syarat bahawa—

- (a) dimensi secara mendatar adalah tidak kurang daripada 6 meter dan keluasan suatu ruang buka adalah tidak kurang daripada 95 meter persegi;

- (b) tempat keluar adalah dikepong secara berasingan dari atrium walaupun akses tempat keluar boleh berada di dalam atrium;
- (c) atrium adalah terbuka dan tidak terhalang;
- (d) bangunan adalah dilindungi sepenuhnya dengan suatu sistem semburan automatik;
- (e) sistem semburan automatik boleh diabaikan bagi suatu siling atrium jika ia tidak lebih daripada 17 meter di atas lantai dan bagi atrium dengan ketinggian siling melebihi 17 meter (dalam keseluruhan atau sebahagian), suatu monitor air, pembanjir atau sistem semburan lemparan lanjutan hendaklah disediakan untuk meliputi keseluruhan ruang atrium;
- (f) suatu sistem kawalan asap atau ekzos asap bagi atrium dan ruang-ruang berhampiran hendaklah disediakan sebagaimana Jadual 1 di bawah atau piawaian-piawaian lain yang diluluskan:

JADUAL I - SISTEM PENYEDUT ASAP ATRIUM

Ketinggian atrium dalam meter (m)	Isipadu atrium dalam meter padu (m ³)	Sistem penyedut asap (Mana-mana yang lebih besar)		Bekalan udara (Paras yang terendah)
		Meter padu per saat (m ³ /saat)	Perubahan udara per jam	
17 atau kurang	17,000 atau kurang	19	6	Graviti – aliran semulajadi kerana perbezaan dalam ketumpatan. 75% daripada penyedut
17 atau kurang	17,000 atau lebih	19	4	Graviti 17% daripada penyedut
17 atau lebih	-	-	4	Mekanikal 75% daripada penyedut

- (g) sistem kawalan asap atau ekzos asap hendaklah diaktifkan oleh—
- (i) suatu pengesan asap yang ditempatkan di atas atrium dan berhampiran dengan setiap pengambilan udara balik dari atrium;
- (ii) sistem semburan automatik;
- (iii) suatu sistem pengesan automatik (tetapi bukan sistem pecah kaca secara manual); dan

- (iv) suatu kawalan manual yang tersedia untuk diakses kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat; dan
- (h) atrium hendaklah diasingkan daripada ruang yang berhampiran dengan penghalang api yang bersifat satu jam ketahanan api kecuali bahawa—
 - (i) mana-mana tiga paras bangunan boleh terbuka secara terus kepada atrium tanpa suatu kepingan; dan
 - (ii) suatu dinding kaca boleh digunakan sebagai ganti kepada penghalang api yang semburan automatik diberi ruang 1.8 meter atau kurang berjauhan sepanjang kedua-dua sisi dinding kaca, tidak lebih daripada 0.3 meter dari kaca supaya permukaan kaca tersebut adalah basah apabila semburan beroperasi dan kaca itu hendaklah kaca tahan pecah, berdawai atau berlamina ditahan dalam tempat oleh suatu sistem gasket yang membenarkan bingkai untuk memesong tanpa memecah kaca itu sebelum semburan beroperasi.

Pindaan undang-undang kecil 253

164. Undang-undang kecil 253 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dalam perenggan (5), dengan menggantikan perkataan “didapati dalam tempoh 10 saat daripada” perkataan “berubah dalam tempoh 60 saat dengan serta-merta selepas”.

Undang-undang kecil baru 253A

165. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 253 undang-undang kecil yang berikut:

“Lampu kecemasan

253A. (1) Lampu kecemasan hendaklah dipasang untuk menyediakan iluminasi yang mencukupi bagi maksud melepaskan diri.

(2) Lampu itu hendaklah jenis serba lengkap atau dibekalkan dengan kuasa kecemasan daripada suatu sistem kuasa kecemasan atau bank pusat bateri dan hendaklah mematuhi PM 619 dan PM 2687.

(3) Dalam semua keadaan, tempoh bagi iluminasi kecemasan sekiranya berlaku kegagalan suatu bekalan yang biasa hendaklah tidak kurang daripada tiga jam.”.

Penggantian undang-undang kecil 256

166. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 256 undang-undang kecil yang berikut:

“Bangunan yang dikecualikan

256. Kecuali bagi undang-undang kecil 134, 141, perenggan (2) undang-undang kecil 225 dan 227, peruntukan-peruntukan di bawah Bahagian VII dan VIII Undang-Undang Kecil ini tidak terpakai bagi rumah kediaman persendirian, rumah berasingan, rumah berkembar atau rumah teres yang dihasratkan bagi pendudukan satu keluarga.”.

Penggantian undang-undang kecil 257

167. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 257 undang-undang kecil yang berikut:

“Pemakaian piawaian atau tata amalan

257. Jika apa-apa piawaian atau tata amalan dirujuk dalam Undang-Undang Kecil ini, dan terdapat kemudiannya suatu Piawaian Malaysia yang bersamaan atau apa-apa piawaian atau tata amalan yang bersamaan yang diterbitkan yang boleh diterima oleh pihak berkuasa tempatan atau Ketua Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan, berkenaan dengan hal perkara yang sama, Piawaian Malaysia atau piawaian atau tata amalan yang bersamaan itu hendaklah disifatkan sebagai mengatasi suatu piawaian atau tata amalan yang dirujuk itu dan hendaklah dipatuhi.”.

Pindaan undang-undang kecil 258

168. Undang-undang kecil 258 Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “orang berkelayakan” di mana-mana jua terdapat perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “pembinaan” di mana-mana jua terdapat perkataan “pendirian”;
- (c) dalam perenggan (1), dengan menomborkan semula subperenggan (aa), (bb) dan (cc) yang sedia ada masing-masing sebagai subperenggan (i), (ii) dan (iii);
- (d) dalam perenggan (3), dengan menomborkan semula subperenggan (aa), (bb) dan (cc) yang sedia ada masing-masing sebagai subperenggan (i), (ii) dan (iii);
- (e) dalam perenggan (5), dengan menggantikan perkataan “orang” perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”;

- (f) dalam perenggan (6), dengan menggantikan perkataan “Orang yang berkelayakan” dalam teks bahasa kebangsaan perkataan “Orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”; dan
- (g) dengan menggantikan perenggan (6) perenggan yang berikut:

“(6) Orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana yang disebut di bawah perenggan (1)(a) undang-undang kecil 2F atau perenggan (1)(a) undang-undang kecil 7 hendaklah tertakluk kepada peruntukan yang sama seperti yang dinyatakan di bawah undang-undang kecil ini.”.

Pindaan Jadual Pertama

169. Jadual Pertama Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

- (a) dalam tajuk, dengan menggantikan perkataan “[Undang-undang kecil 3(1)(a), 12(1), 19(2), 21(2), 26 dan 29]” perkataan “[Undang-undang kecil 3(1)(a), 12(1), 19(2), 21(2) dan 29]”;
- (b) dalam teks bahasa kebangsaan—
- (i) dengan menggantikan perkataan “fee” di mana-mana jua terdapat perkataan “fi”;
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “paragraf” di mana-mana jua terdapat perkataan “perenggan”;
 - (iii) dengan menggantikan perkataan “subparagraf” di mana-mana jua terdapat perkataan “subperenggan”; dan
- (c) dalam perenggan 1—
- (i) dalam butiran Tingkat Bawah, dengan menggantikan perkataan “RM7.00” dan “RM70.00” masing-masing perkataan “RM14.00” dan “RM140.00”;
 - (ii) dalam butiran Tingkat Pertama, dengan menggantikan perkataan “RM6.00” dan “RM60.00” masing-masing perkataan “RM12.00” dan “RM120.00”;
 - (iii) dalam butiran Tingkat Kedua, dengan menggantikan perkataan “RM5.00” dan “RM50.00” masing-masing perkataan “RM10.00” dan “RM100.00”;
 - (iv) dalam butiran Tingkat Ketiga, dengan menggantikan perkataan “RM4.00” dan “RM40.00” masing-masing perkataan “RM8.00” dan “RM80.00”; dan

- (v) dalam butiran Tingkat Keempat dan tingkat atasnya atau tingkat bawah tanah (selain daripada tingkat bawah tanah terbuka), dengan menggantikan perkataan “RM3.00” dan “RM30.00” masing-masing perkataan “RM6.00” dan “RM60.00”;
- (d) dalam perenggan 6—
 - (i) dalam butiran (4)(a), dengan menggantikan perkataan “RM18.00” perkataan “RM36.00”;
 - (ii) dalam butiran (4)(b), dengan menggantikan perkataan “RM18.00” perkataan “RM36.00”; dan
 - (iii) subperenggan (5), dengan menggantikan perkataan “RM25.00” dalam perkataan “RM50.00”;
- (e) dalam perenggan 7, dengan menggantikan perkataan “RM25.00” perkataan “RM50.00”;
- (f) dalam perenggan 8, dengan menggantikan perkataan “RM3.00” perkataan “RM6.00”;
- (g) dalam subperenggan 10(1), dengan menggantikan perkataan “RM60.00” perkataan “RM120.00”;
- (h) dalam perenggan 11—
 - (i) dalam butiran (3)(i), dengan menggantikan perkataan “RM50.00” perkataan “RM100.00”;
 - (ii) dalam butiran (3)(ii), dengan menggantikan perkataan “RM100.00” perkataan “RM200.00”; dan
 - (iii) dalam subperenggan (4), dengan menggantikan perkataan “RM50.00” perkataan “RM100.00”;
- (i) dalam perenggan 12, dengan menggantikan perkataan “RM50.00” perkataan “RM100.00”;
- (j) dalam perenggan 13—
 - (i) dalam subperenggan (a), dengan menggantikan perkataan “RM50.00” perkataan “RM100.00”;
 - (ii) dalam subperenggan (b), dengan menggantikan perkataan “RM20.00” perkataan “RM40.00”;
 - (iii) dalam subperenggan (c), dengan menggantikan perkataan “RM18.00” perkataan “RM36.00”;
 - (iv) dalam subperenggan (d), dengan menggantikan perkataan “RM100.00” perkataan “RM200.00”;

- (v) dalam subperenggan (*e*), dengan menggantikan perkataan “RM5.00” perkataan “RM10.00”;
 - (vi) dalam subperenggan (*f*), dengan menggantikan perkataan “RM50.00” perkataan “RM100.00”;
 - (vii) dalam subperenggan (*g*), dengan menggantikan perkataan “RM3.00” perkataan “RM6.00”; dan
 - (viii) dalam subperenggan (*h*), dengan menggantikan perkataan “RM 5.00” dan “RM10.00” masing-masing perkataan “RM 50.00” dan “RM100.00”;
- (*k*) dengan memotong perenggan 14; dan
- (*l*) dalam perenggan 16, dengan menggantikan perkataan “RM50.00” perkataan “RM100.00”.

Pindaan Jadual Kedua

170. Jadual Kedua Undang-Undang Kecil ibu dipinda—

(*a*) dalam Borang A—

(i) dengan menggantikan tajuk tajuk yang berikut:

“BORANG A
PERAKUAN PELAN-PELAN PERUNTUHAN/
BANGUNAN/STRUKTUR
*(bagi endorsemen pelan-pelan untuk dikemukakan untuk
diluluskan)*

[Undang-undang kecil 2B(2), 3(1)(c) dan 16(2)]; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “..... 19” perkataan “Tarikh:”;

(*b*) dalam Borang B—

(i) dengan menggantikan perkataan “22(1) dan (2)” perkataan “2D dan 22”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “..... 19” perkataan “Tarikh:”;

(*c*) dengan memotong Borang C, D dan E;

(*d*) dengan menggantikan Borang F dengan Borang yang berikut:

“UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

BORANG F

PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN

[Undang-undang kecil 25]

Tarikh:

Kepada:

*

.....
.....

Saya dengan ini mengeluarkan Perakuan Siap dan Pematuhan untuk bangunan/bangunan-bangunan atas Lot/Lot-lot Seksyen Jalan setelah berpuas hati bahawa bangunan/bangunan-bangunan itu telah siap mengikut pelan yang diluluskan No.: bertarikh

Saya telah mengawasi pendirian dan penyiapan bangunan/bangunan-bangunan itu dan sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya kerja/kerja-kerja itu adalah mengikut Akta, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan pelan-pelan yang diluluskan. Saya dengan ini memperakui bahawa bangunan/bangunan-bangunan itu adalah selamat dan layak untuk diduduki.

.....

(Orang utama yang mengemukakan)

1. Butir-butir orang utama yang mengemukakan

Nama:

Alamat:

**No. Pendaftaran LAM/LJM:

2. Salinan kepada:

(a) Pihak Berkuasa Tempatan:
(Nama Pihak Berkuasa Tempatan)

(b) **Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)/Lembaga Jurutera Malaysia (LJM)

*Pemaju, jika ia adalah bagi pembangunan selain daripada bangunan yang dibina secara berasingan atau, pemunya jika ia adalah bagi bangunan yang dibina secara berasingan.

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan.”;

(e) dengan memasukkan selepas Borang F Borang-Borang yang berikut:

“UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984
BORANG F1
PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN SEBAHAGIAN
[Undang-undang kecil 27]

Tarikh:

Kepada:

*
.....
.....

Saya dengan ini mengeluarkan Perakuan Siap dan Pematuhan Sebahagian bagi bangunan/bangunan-bangunan atas Lot/Lot-lot Seksyen Jalan setelah berpuas hati bahawa bangunan/bangunan-bangunan itu telah siap bagi bahagian yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan mengikut pelan yang diluluskan No.: bertarikh

Saya telah mengawasi pendirian dan penyiapan sebahagian bangunan/bangunan-bangunan itu dan sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya kerja/kerja-kerja itu adalah mengikut Akta, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan pelan-pelan yang diluluskan. Saya dengan ini memperakui bahawa bangunan/bangunan-bangunan itu adalah selamat dan layak untuk diduduki.

.....
(Orang utama yang mengemukakan)

1. Butir-butir orang utama yang mengemukakan

Nama:

Alamat:

**No. Pendaftaran LAM/LJM:

2. Salinan kepada:

(a) Pihak Berkuasa Tempatan:
(Nama Pihak Berkuasa Tempatan)

(b) **Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)/Lembaga Jurutera Malaysia (LJM)

*Pemaju, jika ia adalah bagi pembangunan selain daripada bangunan yang dibina secara berasingan atau, pemunya jika ia adalah bagi bangunan yang dibina secara berasingan.

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

BORANG G1

PERAKUAN KERJA-KERJA TANAH

[Undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:

- *1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja tanah dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan kerja-kerja tanah yang diluluskan no. rujukan: dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja tanah itu.

<u>Nama (Perseorangan)</u>	<u>No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a) Kontraktor (Pengurus projek binaan) (CIDB) (Tarikh:)
(b) ~Kakitangan pengawasan tapak (LJM) (Tarikh:)
(c) Orang yang mengemukakan (LJM) (Tarikh:)

ATAU

- *2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

.....
(Orang utama yang mengemukakan)

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

~Jika lebih daripada satu kakitangan pengawasan tapak yang terlibat, lampirkan helaian lampiran.

NOTA: LJM Lembaga Jurutera Malaysia
CIDB Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

BORANG G2

PERAKUAN PEMANCANGAN TANDA

[Undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:

*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan kerja-kerja pemancangan tanda bagi bangunan itu dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan yang diluluskan no. rujukan: dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas kerja-kerja pemancangan tanda itu.

<u>Nama (Perseorangan)</u>	<u>No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a) Kontraktor (Pengurus projek binaan) (CIDB) (Tarikh:)
(b) Juruukur tanah berlesen (LJTM) (Tarikh:)
(c) Orang yang mengemukakan (*LAM/LJM) (Tarikh:)

ATAU

*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

.....
(Orang utama yang mengemukakan)

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

NOTA: LAM Lembaga Arkitek Malaysia
LJM Lembaga Jurutera Malaysia
CIDB Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan
LJTM Lembaga Juruukur Tanah Malaysia

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

BORANG G3

PERAKUAN ASAS TAPAK

[Undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:

- *1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pendirian dan penyiapan kerja-kerja asas tapak dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan yang dideposit no. rujukan: dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pendirian dan penyiapan kerja-kerja asas tapak itu.

<u>Nama (Perseorangan)</u>	<u>No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a) Kontraktor (Pengurus projek binaan) (CIDB) (Tarikh:)
(b) ~Kakitangan pengawasan tapak (LJM) (Tarikh:)
(c) Orang yang mengemukakan (LJM) (Tarikh:)

ATAU

- *2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

.....
(Orang utama yang mengemukakan)

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

~Jika lebih daripada satu kakitangan pengawasan tapak yang terlibat, lampirkan helaian lampiran.

NOTA: LJM Lembaga Jurutera Malaysia
CIDB Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

BORANG G4

PERAKUAN STRUKTUR

[Undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:

- *1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pendirian dan penyiapan kerja-kerja struktur dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan struktur yang dideposit no. rujukan: dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pendirian dan penyiapan kerja-kerja struktur itu.

<u>Nama (<i>Perseorangan</i>)</u>	<u>No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a) Kontraktor (Pengurus projek binaan) (CIDB) (Tarikh:)
(b) ~Kakitangan pengawasan tapak (LJM) (Tarikh:)
(c) Orang yang mengemukakan (LJM) (Tarikh:)

ATAU

- *2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

.....
(Orang utama yang mengemukakan)

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

~Jika lebih daripada satu kakitangan pengawasan tapak yang terlibat, lampirkan helaian lampiran.

NOTA: LJM Lembaga Jurutera Malaysia
CIDB Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

BORANG G5

PERAKUAN PERPAIPAN AIR DALAMAN

[Undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:

- *1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pendirian dan penyiapan kerja-kerja perpaipan air dalaman dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut *pelan yang diluluskan/pelan yang dideposit no. rujukan: dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pendirian dan penyiapan kerja-kerja perpaipan air dalaman itu.

<u>Nama (<i>Perseorangan</i>)</u>	<u>#No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a) Kontraktor
tred (Tukang	+()	(Tarikh:)
paip berlesen)		
(b) ~Kakitangan
pengawasan	(LJM)	(Tarikh:)
tapak		
(c) Orang yang
mengemukakan	(*LAM/LJM)	(Tarikh:)

ATAU

- *2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

.....
(Orang utama yang mengemukakan)

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

#No. kad pengenalan jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran.

+Badan kawal selia yang berkaitan.

~Jika lebih daripada satu kakitangan pengawasan tapak yang terlibat, lampirkan helaian lampiran.

NOTA: LAM Lembaga Arkitek Malaysia
LJM Lembaga Jurutera Malaysia

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

BORANG G6

PERAKUAN PERPAIPAN KEBERSIHAN DALAMAN

[Undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:

- *1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pendirian dan penyiapan kerja-kerja perpaipan kebersihan dalaman dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut *pelan yang diluluskan/pelan yang dideposit no. rujukan: dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pendirian dan penyiapan kerja-kerja perpaipan kebersihan dalaman itu.

<u>Nama (Perseorangan)</u>	<u>#No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a) Kontraktor
tred (Tukang	+(..)	(Tarikh: ..)
paip berlesen)		
(b) ~Kakitangan
pengawasan	(LJM)	(Tarikh: ..)
tapak		
(c) Orang yang
mengemukakan	(*LAM/LJM)	(Tarikh: ..)

ATAU

- *2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

.....
(Orang utama yang mengemukakan)

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

#No. kad pengenalan jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran.

+Badan kawal selia yang berkaitan.

~Jika lebih daripada satu kakitangan pengawasan tapak yang terlibat, lampirkan helaian lampiran.

NOTA: LAM Lembaga Arkitek Malaysia
LJM Lembaga Jurutera Malaysia

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

BORANG G7

PERAKUAN ELEKTRIKAL DALAMAN

[Undang-undang kecil 25 atau 27 dan 38B]

Tajuk Projek:

- *1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pendirian dan penyiapan kerja-kerja elektrik dalam termasuk kerja-kerja sistem perlindungan kilat bangunan, jika ada, adalah mengikut semakan terkini Akta Bekalan Elektrik 1990 [*Akta 447*] dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan yang diperakui orang yang mengemukakan dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pendirian dan penyiapan kerja-kerja elektrik dalam itu.

<u>Nama (<i>Perseorangan</i>)</u>	<u>No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a) Kontraktor
tred (Orang	(<i>ST</i>)	(<i>Tarikh:</i>)
kompeten)		
(b) ~Kakitangan
pengawasan	(<i>LJM</i>)	(<i>Tarikh:</i>)
tapak		
(c) Orang yang
mengemukakan	(<i>LJM</i>)	(<i>Tarikh:</i>)

ATAU

- *2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

.....
 (*Orang utama yang mengemukakan*)

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

~Jika lebih daripada satu kakitangan pengawasan tapak yang terlibat, lampirkan helaian lampiran.

NOTA: LJM Lembaga Jurutera Malaysia
 ST Suruhanjaya Tenaga

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

BORANG G8

PERAKUAN KEHENDAK-KEHENDAK PEPASANGAN
KESELAMATAN KEBAKARAN (SENI BINA)

[Undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:

- *1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pendirian dan penyiapan kerja-kerja kehendak-kehendak pemasangan keselamatan kebakaran (seni bina) dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut *pelan yang diluluskan/pelan yang dideposit no. rujukan:..... dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pendirian dan penyiapan kerja-kerja kehendak-kehendak pemasangan keselamatan kebakaran (seni bina) itu.

<u>Nama (<i>Perseorangan</i>)</u>	<u>No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a) Kontraktor (Pengurus projek binaan) (CIDB) (Tarikh:)
(b) ~Kakitangan pengawasan tapak (LJM) (Tarikh:)
(c) **Orang utama yang mengemukakan (*LAM/LJM) (Tarikh:)

ATAU

- *2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

.....
(Orang utama yang mengemukakan)

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

**Suatu sijil keselamatan kebakaran daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat (kecuali untuk bangunan kediaman yang tidak melebihi 18 meter tinggi) hendaklah dilampirkan dengan borang ini.

~Jika lebih daripada satu kakitangan pengawasan tapak yang terlibat, lampirkan helaian lampiran.

NOTA: LAM Lembaga Arkitek Malaysia
LJM Lembaga Jurutera Malaysia
CIDB Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

BORANG G9

PERAKUAN SISTEM PENGGERA KEBAKARAN
DAN SISTEM PEMADAM API (MEKANIKAL DAN
ELEKTRIKAL)

[Undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:

- *1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pendirian dan penyiapan kerja-kerja sistem penggera kebakaran dan sistem pemadam api (mekanikal dan elektrik) dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut *pelan yang diluluskan/pelan yang dideposit no. rujukan.: dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pendirian dan penyiapan kerja-kerja sistem penggera kebakaran dan sistem pemadam api (mekanikal dan elektrik) itu.

	<u>Nama (Perseorangan)</u>	<u>#No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a)	Kontraktor
	tred	+()	(Tarikh:)
(b)	~Kakitangan
	pengawasan	(LJM)	(Tarikh:)
	tapak		
(c)	**Orang yang
	mengemukakan	(LJM)	(Tarikh:)

ATAU

- *2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

.....
(Orang utama yang mengemukakan)

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

**Suatu sijil keselamatan kebakaran daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat (kecuali untuk bangunan kediaman yang tidak melebihi 18 meter tinggi) hendaklah dilampirkan dengan borang ini.

#No. kad pengenalan jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran.

+Badan kawal selia yang berkaitan.

~Jika lebih daripada satu kakitangan pengawasan tapak yang terlibat, lampirkan helaian lampiran.

NOTA: LJM Lembaga Jurutera Malaysia

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

BORANG G10

PERAKUAN PENGUDARAAN MEKANIKAL

[Undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:

- *1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/ atau menjalankan pendirian dan penyiapan kerja-kerja pengudaraan mekanikal dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut Pelan yang diperakui orang yang mengemukakan dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pendirian dan penyiapan kerja-kerja pengudaraan mekanikal itu.

<u>Nama (Perseorangan)</u>	<u>#No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a) Kontraktor
tred	+()	(Tarikh:)
(b) ~Kakitangan
pengawasan	(LJM)	(Tarikh:)
tapak		
(c) Orang yang
mengemukakan	(LJM)	(Tarikh:)

ATAU

- *2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

.....
(Orang utama yang mengemukakan)

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

#No. kad pengenalan jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran.

+Badan kawal selia yang berkaitan.

~Jika lebih daripada satu kakitangan pengawasan tapak yang terlibat, lampirkan helaian lampiran.

NOTA: LJM Lembaga Jurutera Malaysia

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

BORANG G11

PERAKUAN PEMASANGAN LIF/ESKALATOR

[Undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:

- *1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/ atau menjalankan pendirian dan penyiapan kerja-kerja pemasangan lif/eskalator dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan yang diperakui orang yang mengemukakan dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pendirian dan penyiapan kerja-kerja pemasangan lif/eskalator itu.

	<u>Nama (<i>Perseorangan</i>)</u>	<u>No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a)	Kontraktor tred (JKKP) (Tarikh:)
(b)	~Kakitangan pengawasan tapak (LJM) (Tarikh:)
(c)	**Orang yang mengemukakan (LJM) (Tarikh:)

ATAU

- *2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

.....
(Orang utama yang mengemukakan)

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

**Suatu sijil kelayakan daripada JKPP hendaklah dilampirkan dengan borang ini.

~Jika lebih daripada satu kakitangan pengawasan tapak yang terlibat, lampirkan helaian lampiran.

NOTA: LJM Lembaga Jurutera Malaysia

JKKP Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

BORANG G12

PERAKUAN BANGUNAN

[Undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:

- *1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pendirian dan penyiapan kerja-kerja bangunan dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan yang diluluskan no. rujukan: dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pendirian dan penyiapan kerja-kerja bangunan itu.

<u>Nama (<i>Perseorangan</i>)</u>	<u>No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a) Kontraktor (Pengurus projek binaan) (CIDB) (Tarikh:)
(b) ~Kakitangan pengawasan tapak (*LAM/LJM) (Tarikh:)
(c) Orang utama yang mengemukakan (*LAM/LJM) (Tarikh:)

ATAU

- *2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

.....
(Orang utama yang mengemukakan)

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

~Jika lebih daripada satu kakitangan pengawasan tapak yang terlibat, lampirkan helaian lampiran.

NOTA: LAM Lembaga Arkitek Malaysia
 LJM Lembaga Jurutera Malaysia
 CIDB Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

BORANG G13

PERAKUAN SISTEM BEKALAN AIR LUARAN

[Undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:

- *1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pendirian dan penyiapan sistem bekalan air luaran dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan yang diluluskan no. rujukan: dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pendirian dan penyiapan sistem bekalan air luaran itu.

	<u>Nama (Perseorangan)</u>	<u>No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a)	Kontraktor
	tred	(SPAN)	(Tarikh:)
(b)	~Kakitangan
	pengawasan	(LJM)	(Tarikh:)
	tapak		
(c)	**Orang yang
	mengemukakan	(LJM)	(Tarikh:)

ATAU

- *2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

.....
(Orang utama yang mengemukakan)

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

**Suatu surat pengesahan daripada pihak berkuasa air bahawa bekalan air telah sedia untuk pemasangan hendaklah dilampirkan dengan borang ini.

+Badan kawal selia yang berkaitan.

~Jika lebih daripada satu kakitangan pengawasan tapak yang terlibat, lampirkan helaian lampiran.

NOTA: LJM Lembaga Jurutera Malaysia
SPAN Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

BORANG G14

PERAKUAN RETIKULASI PEMBETUNGAN

[Undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:

- *1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pendirian dan penyiapan kerja-kerja retikulasi pembetulan dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan yang diluluskan no. rujukan: dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pendirian dan penyiapan kerja-kerja retikulasi pembetulan itu.

<u>Nama (Perseorangan)</u>	<u>No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a) Kontraktor
tred	(SPAN)	(Tarikh:)
(b) ~Kakitangan
pengawasan	(LJM)	(Tarikh:)
tapak		
(c) **Orang yang
mengemukakan	(LJM)	(Tarikh:)

ATAU

- *2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

.....
(Orang utama yang mengemukakan)

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

**Suatu surat pengesahan daripada agensi perakuan pembetulan hendaklah dilampirkan dengan borang ini.

~Jika lebih daripada satu kakitangan pengawasan tapak yang terlibat, lampirkan helaian lampiran.

NOTA: LJM Lembaga Jurutera Malaysia
SPAN Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

BORANG G15

PERAKUAN LOJI RAWATAN KUMBAHAN

[Undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:

- *1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pendirian dan penyiapan kerja-kerja loji rawatan kumbahan dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan yang diluluskan no. rujukan: dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pendirian dan penyiapan kerja-kerja loji rawatan pembetulan itu.

	<u>Nama (<i>Perseorangan</i>)</u>	<u>No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a)	Kontraktor tred (SPAN) (Tarikh:)
(b)	~Kakitangan pengawasan tapak (LJM) (Tarikh:)
(c)	**Orang yang mengemukakan (LJM) (Tarikh:)

ATAU

- *2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

.....
(Orang utama yang mengemukakan)

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

**Suatu surat pengesahan daripada agensi perakuan pembentungan hendaklah dilampirkan dengan borang ini.

~Jika lebih daripada satu kakitangan pengawasan tapak yang terlibat, lampirkan helaian lampiran.

NOTA: LJM Lembaga Jurutera Malaysia
SPAN Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

BORANG G16

PERAKUAN SISTEM BEKALAN ELEKTRIK LUARAN

[Undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:

- *1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pendirian dan penyiapan sistem bekalan elektrik luaran dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan yang diluluskan no. rujukan: dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pendirian dan penyiapan sistem bekalan elektrik luaran itu.

	<u>Nama (Perseorangan)</u>	<u>No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a)	^Kontraktor tred (<i>Orang kompeten</i>) (ST) (Tarikh:)
(b)	~Kakitangan pengawasan tapak (LJM) (Tarikh:)
(c)	**Orang yang mengemukakan (LJM) (Tarikh:)

ATAU

- *2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

.....
(Orang utama yang mengemukakan)

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

**Suatu surat pengesahan daripada Tenaga Nasional Berhad bahawa bekalan kuasa elektrik telah sedia untuk pemasangan hendaklah dilampirkan dengan borang ini.

^Tidak terpakai jika kerja dijalankan oleh Tenaga Nasional Berhad.

~Jika lebih daripada satu kakitangan pengawasan tapak yang terlibat, lampirkan helaian lampiran.

NOTA: LJM Lembaga Jurutera Malaysia
ST Suruhajaya Tenaga

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

BORANG G17

PERAKUAN JALAN DAN PARIT
[Undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:

